



MALAYSIA

[BELUM DISEMAK]

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT KETIGA

NASKAH INI TIDAK BOLEH DIBAWA  
KELUAR DARI BILEK PUSAT SUMBER  
PARLIMEN MALAYSIA.

---

Jilid IV

Bil. 54

Hari Isnin

9 November 1998

---

## K A N D U N G A N

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
- Rang Undang-undang Perbekalan 1999	(Ruangan 29)
USUL:	
- Anggaran Pembangunan 1999	(Ruangan 29)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat.	(Ruangan 160)

DR.9.11.98

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 9 November 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BUKU "MEMOIRS OF LEE KUAN YEW" – CADANGAN  
MENGHARAMKAN**

**1. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad [Tanah Merah] minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan:-**

- (a) adakah kerajaan bercadang mengharamkan buku "Memoirs of Lee Kuan Yew" dan mengharamkan penulisnya masuk ke Malaysia; dan
- (b) apakah sikap kerajaan ke atas beberapa dakwaan oleh penulis terhadap beberapa individu dan parti tertentu. Apakah ianya benar belaka atau tidak benar belaka.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian,**

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk mengharamkan buku bertajuk "Memoirs of Lee Kuan Yew" dan kerajaan juga tidak bercadang untuk menyekat penulis buku tersebut daripada memasuki Malaysia.
- (b) Disebabkan kebanyakan isi kandungan buku tersebut dihasilkan daripada catatan peribadi penulis, maka fakta-fakta yang diketengahkan adalah mengikut pandangan

peribadi penulis. Kerajaan yakin rakyat Malaysia mempunyai kebijaksanaan untuk menentukan sejauh manakah dakwaan yang telah dikemukakan oleh penulis itu benar. Kerajaan juga ambil maklum bahawa beberapa pihak di Malaysia telah dan sedang memberi pandangan dan ulasan terhadap isi kandungan buku itu di akhbar-akhbar tempatan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Adakah bukan satu tanggungjawab kerajaan yang ada sekarang untuk mempertahankan pemimpin kerajaan terlebih dahulu, iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan sebagainya yang ada dihentam oleh Lee Kuan Yew. Lee Kuan Yew bukan hentam pemimpin-pemimpin Malaysia sahaja, tetapi bapa sendiri pun dia hentam. Beliau sebagai seorang yang gadaikan barang kemas isterinya, ibu kepada Lee Kuan Yew untuk main judi. Sikap Lee Kuan Yew adalah sikap yang tidak boleh diterima bukan sahaja oleh rakyat Singapura, tetapi di seluruh dunia termasuk Malaysia. Tidakkah kewajipan bagi kerajaan sekarang untuk at the list apology daripada Lee Kuan Yew ini?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Jarang-jarang sekali kita bersetuju ada pendirian yang lebih kurang sama. Nampaknya kali ini DAP lebih kurang sama pendirian dengan Barisan Nasional, bahawa kita memang tidak setuju dengan Lee Kuan Yew, cara dia ada banyak fakta dalam buku itu. Tetapi nampaknya Kerajaan Singapura telah pun menyatakan buku itu merupakan satu pandangan peribadi penulis. Jadi, kerajaan dan pemimpin kita pun ramai secara peribadi tegur dia balik, terbuka di akhbar. Jadi, kita bergilir-gilir tegur. Saya cadangkan DAP pun kuat sedikit tegur balik apa yang tidak betul.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah setiap pandangan peribadi seseorang itu bebas untuk

bercakap dalam negara kita ini dan tidak akan diambil hukuman apa-apa. Tetapi ternyata sebelum daripada ini seseorang itu tidak mempunyai kebebasan untuk bercakap. Misalnya bekas Timbalan Perdana Menteri, dia bercakap, akhirnya diambil tindakan di atas ucapan beliau. Ini ertinya tidak ada kebebasan bercakap dalam negara kita ini. Saya rasa sikap yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia itu adalah merupakan satu sikap yang toleransi yang membuta tuli, yang merugikan negara kita, tidak menguntungkan negara kita.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada emosi sedikit. Tetapi saya ambil maklum apa yang dia cuba hendak sampaikan. Saya rasa isu di sini, memang di Malaysia ini banyak kebebasan. Kalau tidak ada kebebasan, hari ini akhbar-akhbar tempatan sendiri tidak boleh langsung tegur kerajaan. Kalau kita baca semua akhbar hari ini walaupun pihak pembangkang macam mana pun masih kata tidak ada kebebasan, tetapi daripada orang yang lebih objektif ataupun neutral, nampaknya akhbar-akhbar tempatan memang ada banyak ruang untuk mengkritik kerajaan. Isu Timbalan Perdana Menteri ini sedang dibicarakan di mahkamah. Jadi, setahu saya isu Timbalan Perdana Menteri bukan isu kebebasan dia berucap. Ada hal-hal perundangan yang lain. Jadi, kita tunggulah perbicaraan di mahkamah. Jangan cepat-cepat hendak buat conclusion di sini.

### **PROJEK JALAN RAYA YANG DILULUSKAN – JUMLAH**

2. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah dan di mana projek-projek jalan raya yang diluluskan semasa kegawatan ekonomi dan keutamaannya (priority).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 36 projek jalan raya dan jambatan telah diluluskan untuk dilaksanakan bagi merangsang ekonomi negara. Kos projek-projek berkenaan adalah sebanyak

RM2.793 bilion. Pengagihan projek-projek ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri		Projek
Johor	-	7
Terengganu	-	5
Pahang	-	4
Pulau Pinang	-	3
Kelantan	-	2
Sabah	-	2
N. Sembilan	-	2
Perak	-	2
Melaka	-	2
Sarawak	-	1
Selangor	-	1
W. Persekutuan	-	1
(Pelbagai negeri bagi projek-projek yang melibatkan lebih daripada 1 negeri)	-	4

**Dr. Ramli bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut priority sebagaimana yang Setiausaha Parlimen kata tadi, Terengganu ada lima projek. Saya hendak tahu mengapakah lebuh raya Pantai Timur, iaitu daripada Karak ke Kuantan masih belum dijalankan sampai sekarang. Saya hendak tahu sebab apa terlampau lama kerajaan mengambil masa untuk membina lebuh raya tersebut. Kalau kita tengok lebuh raya-lebuh raya di Pantai Barat boleh dilakukan dengan begitu segera sekali. Jadi, saya hendak tahu sebab apa pembinaannya begitu lambat sekali?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan Pantai Timur telah ditawarkan secara penswastaaan, dan ianya telah

menandatangani beberapa bulan yang lalu maka ia akan bermula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek ini memakan belanja banyak. Kalau mengikut cara sekarang hendak memelihara alam sekitar dan lain-lain, ianya akan menggunakan RM3.8 bilion dan juga viability projek ini pun ada diambil kira. Kalau lalu lintas kurang, kenderaan kurang, sebagai satu projek penswastaaan ianya tidak berapa viable, akan tetapi kita akan mula pembinaan lebuh raya Pantai Timur.

### **PORTFOLIO PERDANA MENTERI/MENTERI DALAM NEGERI/MENTERI KEWANGAN – KEWAJARAN**

3. **Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada wajar dan demi kepentingan negara bagi beliau memegang portfolio Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan Pertama.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sesiapa pun boleh. Timbalan Menteri pun boleh jawab, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Timbalan Perdana Menteri, itu perkara lain. Ini Timbalan Menteri sahaja. Ini dituju kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Satu soalan yang harus mendapatkan jawapan personal daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan daripada dia, siapa dia? *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila jawab.

**Datuk Haji Mohamad Nazri bin Abdul Aziz:** Sebenarnya dia lama juga nyanyuk. Kita sudah amalkan perkara ini biasa. Perdana Menteri itu bermakna

RM2.793 bilion. Pengagihan projek-projek ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri		Projek
Johor	-	7
Terengganu	-	5
Pahang	-	4
Pulau Pinang	-	3
Kelantan	-	2
Sabah	-	2
N. Sembilan	-	2
Perak	-	2
Melaka	-	2
Sarawak	-	1
Selangor	-	1
W. Persekutuan	-	1
(Pelbagai negeri bagi projek-projek yang melibatkan lebih daripada 1 negeri)	-	4

**Dr. Ramli bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut priority sebagaimana yang Setiausaha Parlimen kata tadi, Terengganu ada lima projek. Saya hendak tahu mengapakah lebuh raya Pantai Timur, iaitu daripada Karak ke Kuantan masih belum dijalankan sampai sekarang. Saya hendak tahu sebab apa terlampau lama kerajaan mengambil masa untuk membina lebuh raya tersebut. Kalau kita tengok lebuh raya-lebuh raya di Pantai Barat boleh dilakukan dengan begitu segera sekali. Jadi, saya hendak tahu sebab apa pembinaannya begitu lambat sekali?

**Tuan Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan Pantai Timur telah ditawarkan secara penswastaan, dan ianya telah

lebih daripada satu jawatan. Sebab itu kita tidak mempunyai cadangan untuk menghalang dan membataskan di masa akan datang supaya setiap orang itu memegang lebih daripada satu portfolio.

#### **PANGKALAN TENTERA DARAT/LAUT/UDARA – CADANGAN MENAMBAH**

4. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan Malaysia terdedah kepada ancaman negara luar di bidang ketenteraan, adakah kementerian bercadang menambahkan penempatan pangkalan Tentera Darat, Laut dan Udara terutama di sebelah kawasan Timur Semenanjung khususnya di Terengganu.

**Menteri Pertahanan [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:**  
Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan akan sentiasa mengkaji kepentingan strategik berdasarkan kepada persepsi ancaman dan perkembangan semasa untuk menjamin supaya kedaulatan dan integriti negara sentiasa terkawal. Walaupun kita akui Pantai Timur termasuk Terengganu adalah kawasan-kawasan yang strategik buat masa ini, kita berpuas hati dengan penempatan yang sedia ada.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Perdana Menteri Singapura mengadakan satu perbincangan, dan di antara keputusan yang diambil ialah untuk membenarkan ruang udara Malaysia khususnya di Johor digunakan oleh Angkatan Bersenjata Singapura. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah sebab-sebab berlakunya perubahan ini dan adakah keputusan ini sementara ataupun kekal?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada perubahan di dalam keputusan yang telah dibuat apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

adalah berkenaan dengan operasi menyelamat. Di dalam operasi menyelamat apa yang kita pinta ialah supaya diberitahu dan kebenaran akan diberikan dengan segera. Tetapi tidak sebagaimana yang lalu di mana mereka masuk tanpa memberitahu kita dan keluar tanpa mempunyai apa-apa notis dan kita tidak tahu apa yang telah terjadi.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan di Terengganu, iaitu di satu kawasan di daerah Besut, Kementerian Pertahanan telah pun mengambil alih suatu pengkalan ataupun lapangan terbang di Gong Kedak. Jadi, saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan telah diperuntukkan bagi mengambil alih lapangan terbang tersebut untuk dijadikan pangkalan tentera dan bila beroperasi?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada kawasan penempatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) berpangkalan di Gong Kedak, Pasir Putih, Kelantan. Ini adalah untuk penempatan Pusat Latihan Penerbangan Tiga dengan menggunakan pesawat PC-7 dan Aero-3. Bermakna untuk tujuan ini, ia menggunakan tempat itu sebagai kawasan latihan dan kita akan membesarkan keperluannya dari masa ke semasa.

#### **BANK PERDAGANGAN/INSTITUSI KEWANGAN – JUMLAH HARTA DAN TANGGUNGAN HUTANG**

5. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah milik harta (assets) dan tanggungan hutang (liabilities) dalam bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan di dalam negara. Sila nyatakan juga berapa jumlah hutang-hutang tergantung dan tidak diketahui (suspend and doubtful debts) sehingga 30 September, 1998 dan nyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memulihkan keadaan ekonomi di dalam negara.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, pada 30 September 1998 jumlah aset dan liabiliti sistem perbankan adalah seperti berikut:

		<b>Aset</b>	<b>Liabiliti</b>
Bank Perdagangan	-	RM443.9 bilion	RM406.7 bilion.
Syarikat kewangan	-	RM128.6 bilion	RM121.2 bilion.
Bank saudagar	-	RM37.6 bilion	RM33.7 bilion.
(Untuk sistem perbankan keseluruhannya)	-	RM610.1 bilion	RM561.6 bilion.

Ini bermakna keseluruhan sistem kewangan negara mempunyai nilai bersih sebanyak positif RM48.5 bilion dan ini adalah keadaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman tidak berbayar sistem perbankan berdasarkan polisi pengkelasan selama enam bulan ialah RM51.8 bilion ataupun 8% daripada jumlah pinjaman kadar nilai bersih pada 30 September 1998.

Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) yang diumumkan pada bulan Julai tahun ini dengan enam objektif adalah bertujuan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi. Bagi mempertingkatkan tahap kekukuhan institusi perbankan, Bank Negara telah mengambil beberapa langkah seperti penyusunan semula sektor kewangan dan hutang korporat, kawalan kadar pertukaran mata wang dan memperbaiki kecairan di dalam sistem perbankan. Ini akan memastikan kemudahan kredit bank yang berterusan dan dalam masa yang sama kerajaan telah menubuhkan beberapa dana tertentu untuk menyediakan kredit dengan kadar faedah yang munasabah ataupun concessionary rate kepada sektor-sektor keutamaan seperti sektor eksport, industri kecil dan sederhana dan projek rumah kos rendah dan sederhana.

**Tuan Liew Ah Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan hutang-hutang yang tergantung begitu besar terhadap institusi-institusi kewangan dan bank-bank komersial seperti mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri huraikan apakah sebab-sebab yang sebenarnya yang menjadikan penyakit ataupun masalah mengakibatkan bank-bank ataupun institusi-institusi kewangan menghadapi masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi supaya masalah tidak diulangkan lagi pada masa akan datang.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut tadi NPL atau Non-Performing Loan sebanyak 8.1%. Ini dalam kegawatan ekonomi sekarang, angka ini tidaklah begitu besar sebagaimana Yang Berhormat sebut. Dulu ada pihak-pihak yang tertentu mengatakan dalam kegawatan ini kemungkinan NPL naik sehingga 30% tetapi hakikatnya sekarang hanya 8.1%. Jadi satu dari sebab-sebab yang ingin saya nyatakan di sini ialah oleh sebab kegawatan ataupun kelembapan ekonomi sekarang yang meningkatkan NPL sehingga 8.1% daripada 3% hingga 4% dahulu. Jadi sebab-sebabnya ialah kelembapan ekonomi. Dalam keadaan biasa kita menjangka lebih kurang 3%

sahaja. Jadi apabila kegawatan ekonomi berlaku, banyak aktiviti ekonomi tidak dapat dijalankan, maka mudah tunai ataupun kecairan diketatkan dan ini mengakibatkan cash flow ataupun aliran tunai syarikat-syarikat yang berhutang ataupun individu yang berhutang daripada bank itu terjejas dan maka inilah sebabnya mereka tidak dapat membayar hutang dengan kadar yang dimestikan oleh bank dan perjanjian di antara mereka dengan bank.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, tentang pinjaman atau kredit yang dikeluarkan yang tidak pada tahap dan prestasi yang baik, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri merasa tidak puas hati bahawa bank-bank tidak mengeluarkan pinjaman dan kredit walaupun liquidity atau kecairan dalam pasaran itu baik. Saya hendak bertanya sama ada kerajaan akan menimbang mengenakan denda kepada bank-bank ini, yang tidak mengeluarkan pinjaman ini? Kerana keupayaannya ada tetapi tidak mahu mengambil risiko yang sepatut diambil sekarang ini dalam suasana ekonomi, memulihkan ekonomi kita sekarang ini.

Begitu juga kalau pihak bank tidak sanggup dan adakah kerajaan bercadang menggunakan badan-badan lain yang juga mempunyai pengurusan kewangan seperti PUNB, MARA untuk mengeluarkan dana kepada pemohon-pemohon dan terutama sekali juga kepada pengusaha-pengusaha kecil.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya sekarang ini kedudukan kecairan kewangan dalam sistem perbankan telah naik sedikit ataupun naik banyak, boleh dikatakan apabila kita menurun SRR ataupun Statutory Reserve Requirement daripada 13.5% sehingga pada kadar sekarang 4%. Kalau dikira 1% penurunan membebaskan RM4 bilion ke dalam pasaran. Jadi 4x6, RM24 bilion atau pun 4x8, RM32 bilion dalam sistem kewangan. Maka tidak ada sebab mengapa bank-bank terus menahan pinjaman. Saya difahamkan bahawa bank-bank masih lagi berhati-hati untuk memberi pinjaman

disebabkan oleh prestasi ekonomi tetapi dengan adanya kebaikan ekonomi ataupun pertumbuhan ekonomi yang ada sekarang ini, tidak ada sebab maka mereka menahan pinjaman-pinjaman. Pada petang ini, pukul 4.15 pihak Kementerian Kewangan telah pun menjemput ketua-ketua eksekutif bank seluruh negara untuk berjumpa dengan pihak kementerian dan juga Bank Negara Malaysia untuk membincang masalah-masalah yang menyebabkan mereka menahan terus ataupun berwaspada terus daripada melepaskan pinjaman-pinjaman ini.

Mengenai dengan alternatif untuk institusi lain, Yang Berhormat sedia maklum di dalam sistem ekonomi kita, wang PUNB pun disimpan di bank. Wang KWSP yang RM140 bilion pun sebahagian besarnya disimpan di bank. Jadi persoalannya ialah interface di antara peminjam dengan sistem perbankan ialah bank. Duit itu bukan bank yang punya, duit itu adalah dipunyai oleh institusi Yang Berhormat mengatakan. Kalau kita hendak bagi institusi itu memberi pinjaman pun wang mereka ada di bank. Jadi banklah yang seharusnya bertanggungjawab memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam.

### **INSTITUT KEMAHIRAN BELIA DI SARAWAK – CADANGAN MEMBINA**

6. **Datuk S'ng Chee Hua [Julau]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk membina Institut Kemahiran Belia (IKB) di Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, sekiranya ia, sudahkah IKB itu dibina dan di kawasan manakah projek itu dibangunkan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah meluluskan pembinaan Institut Kemahiran Belia Negara iaitu IKBN di Miri, Sarawak. Pada masa ini projek ini adalah pada tahap penyediaan reka bentuk dan pertimbangan dari segi kos pembiayaan pembinaan.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, setakat ini apakah pengambilan pelatih-pelatih IKB telah dijalankan di

Sarawak atau tidak? Jika ada, berapa jumlahnya dan sebelum IKB ditubuh, di manakah belia ini dilatih? Sekian, terima kasih.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jawab tadi, sekarang ini baru pada tahap penyediaan reka bentuk dan pertimbangan dari segi kos pembiayaan pembinaan. Jadi pelatih-pelatih ini belum dilatih dan tentulah pelatih-pelatih itu akan diambil daripada semua tempat di Malaysia bukan sahaja dari Sarawak tetapi pelatih-pelatih yang akan dipilih untuk belajar di IKBN di Sarawak ini kebanyakan dari Sarawaklah. Kalau Sarawak tidak cukup, kita dapatkan pelatih dari tempat lain.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya mengenai IKBN, perancangan kerajaan untuk menaikkan taraf sijil kelulusan daripada IKBN kerana sekarang ini kita dapati majoriti pelatih-pelatih daripada IKBN ini apabila mereka tamat kursus, mereka ini terus memasuki pasaran pekerjaan dan di dalam bidang-bidang kemahiran. Ini saya hendak tanya apakah rancangan kementerian untuk menaikkan taraf kelulusan sijil daripada IKBN ini yang mana pelatih-pelatih ini bukan sahaja boleh diterima di pasaran pekerjaan tetapi mereka juga boleh melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat ijazah.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengkaji balik ataupun menyiasat kursus-kursus yang sedang dijalankan di IKBN. Kementerian Belia dan Sukan sedar bahawa kita perlulah meningkatkan tahap pelajaran di IKBN di seluruh negara. Jadi sampai tahap ini kita berpuas hati dengan tahap pelajaran dan pelatih-pelatih yang telah lulus dari IKBN pun mendapat kerja masing-masing dan baru-baru ini kita sedang memberi pertimbangan untuk menambahkan kursus-kursus yang baru termasuk kursus yang ada kaitan dengan pembinaan aircraft. Itu pun masuk dalam pertimbangan. Jadi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa sedar tentang tugas kita untuk meningkatkan tahap pelajaran dan bilangan kursus di IKBN.

**PINJAMAN OLEH INSTITUSI KEWANGAN - JUMLAH**

7. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan ketelusan dalam pengurusan memberikan pinjaman oleh institusi kewangan dan jumlah pinjaman yang telah diluluskan untuk tahun ini berbanding dengan tahun lepas.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk mempertingkatkan ketelusan dalam pengurusan pemberian pinjaman, Bank Negara Malaysia menghendaki institusi kewangan memberi maklumat mengenai jumlah pinjaman serta arah aliran pinjaman mengikut sektor ekonomi, jenis pinjaman, pinjaman tak berbayar, peruntukan hutang ragu, dan lapuk serta faedah tergantung ke dalam laporan kewangan tahunan mereka. Institusi kewangan juga dikehendaki menyiarkan akaun tahunan bagi setengah tahun. Melalui majlis-majlis dialog dengan ketua-ketua pegawai eksekutif institusi kewangan, Bank Negara Malaysia telah mengarahkan mereka bersikap telus apabila menolak sesuatu permohonan pinjaman serta memberi sebab-sebab tertentu penolakan permohonan pinjaman kepada pelanggan.

Jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh sistem perbankan tahun 1998 - setakat September tahun ini ialah RM38.3 bilion, berbanding Januari sehingga September 1997 sebanyak RM197.8 bilion. Penurunan dalam pemberian kredit pada tahun ini disebabkan oleh sikap berhati-hati yang diamalkan oleh institusi kewangan akibat daripada kegawatan ekonomi yang berterusan. Keadaan kecairan sistem perbankan yang ketat serta kemerosotan dalam kualiti asset. Berikutan arahan Bank Negara Malaysia supaya institusi kewangan mencapai pertumbuhan pinjaman tahunan sekurang-kurangnya 8% pada penghujung tahun 1998 jumlah kelulusan pinjaman didapati telah meningkat.

Purata kelulusan pinjaman bulanan bagi tujuh bulan pertama sebanyak RM4.1 bilion meningkat pada bulan Ogos dan September tahun ini kepada RM4.9 bilion. Hasil daripada langkah kerajaan mengurangkan kos pinjaman

dan menambah kecairan melalui penurunan dalam nisbah rizab berkanun kedudukan kecairan pada masa ini cukup untuk menampung keperluan dana institusi perbankan. Penubuhan Danaharta bagi pembelian hutang tak berbayar dan penubuhan Danamodal bagi memodalkan semula institusi perbankan yang lemah telah mewujudkan suasana perniagaan yang lebih baik.

**Tuan Yang di-Pertua: Kepong.**

**Dr. Tan Seng Giaw :** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana institusi-institusi kewangan dapat mencapai pertumbuhan 8% pada akhir tahun ini, kerana saya nampak susah mereka hendak mencapai dalam keadaan ekonomi sekarang. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa pihak bank-bank tidak boleh mengumumkan angka hutang tak berbayar setiap bulan ataupun bagi bank-bank individu, secara jumlah yang diumumkan oleh pihak Bank Negara, kita umumkan setiap bank bagi keadaan hutang yang tak berbayar. Tadi, Yang Berhormat pun ada menyebutkan mengenai nisbah rizab berkanun, bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kita dapat menjamin keselamatan dengan nisbah yang begitu rendah sekarang 4% atau 2%.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ahli dari Kepong ini daripada 10 tahun saya duduk dalam Parlimen, jadi dia datang lambat, dia hendak bangun bertanya saya sudah jawab soalan Yang Berhormat, pada soalan yang dia tanya tadi. Jadi untuk makluman beliau, dia tanya bolehkah bank-bank memberi hutang, saya jawab tadi "dengan membebaskan wang daripada penurunan statutory reserve requirement bank sekarang mempunyai kecairan yang tinggi" Masalahnya sekarang bank-bank berhati-hati, dia tengok prestasi ekonomi, jadi dia takut hendak beri lagi, persoalan boleh tidak timbul, boleh - boleh, tetapi tak mahu. Ini Yang Berhormat kalau masuk 15 minit awal tentu dia tak tanya soalan ini. Dan mengapa tidak boleh memberi - tadi saya telah beritahu tentang NPL tiap-tiap bank, Bank Bumiputra 8% bank ini semua ada keseluruhan 81%, dia tak dengar

Tuan Yang di-Pertua. Saya fikirkan Yang Berhormat bangkitkan lagi dalam prbahasan, jadi boleh kita jawab dengan terperinci, jadi ini dia hendak register RM150 sehari.

**Tuan Yang di-Pertua: Seremban.**

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa yang lampau kita lihat beberapa bank di negara kita ini telah memberikan pinjaman kepada sektor-sektor ekonomi yang tertentu, misal kata, memberi saham dan sebagainya jangan melebihi had yang telah ditetapkan oleh Bank Negara sedangkan peniaga-peniaga kecil mempunyai projek-projek viable tidak dapat pinjaman. Jadi apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap urusan bank.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara telah memberi panduan-panduan untuk pemberian, pembelian ataupun pemberian pinjaman untuk sesuatu tujuan. Jikalau Yang Berhormat dari Seremban ada butir-butir mengenai pelanggaran peraturan ini sila berikan kepada kami untuk Bank Negara mengambil tindakan seterusnya. Yang Berhormat sedia maklum di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, belanjawan dahulu banyak kemudahan-kemudahan diberikan melalui bank untuk memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil dan peniaga-peniaga sederhana yang di bawah pelbagai dana-dana yang tidak perlu saya senaraikan pada hari ini dan kami dimaklumkan bahawa dana-dana itu sedang diuruskan oleh bank-bank yang dipertanggungjawabkan untuk diberi kepada peniaga-peniaga kecil. Jadi, persoalan mengenai dengan ada bank yang melanggar peraturan sila beri butiran yang terperinci untuk diambil tindakan oleh Bank Negara.

*[Soalan No.8 - Y.B. Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah)  
tidak hadir]*

## **BARANGAN MAKANAN YANG DIIMPORT - PENGURANGAN HARGA**

9. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada kementerian berhasrat untuk menggalakkan peruncit dan pemborong mengurangkan harga barangan makanan yang diimport berikutan penetapan nilai Ringgit.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subaramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kementerian agar peruncit dan pemborong dapat mengurangkan harga barangan makanan bukan sahaja makanan yang diimport malahan barangan yang dihasilkan dalam negara. Kementerian sentiasa menyeru peniaga-peniaga dan peruncit supaya menjual barang-barang mereka terutamanya barang-barang keperluan harian dengan harga yang murah dan berpatutan. Dalam hubungan ini kementerian tidak lagi mengehadkan jualan murah oleh pasar raya-pasar raya gedung-gedung perniagaan untuk membuat jualan murah sebanyak empat kali setahun sahaja.

Di samping itu juga, jualan-jualan gedung terus kepada pengguna juga digalakkan. Dengan cara ini pengguna dapat menikmati harga berpatutan yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga dan peruncit-peruncit. Dalam usaha untuk mencegah kenaikan harga barangan makanan yang diimport, kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dari masa ke semasa dan mengadakan sport check untuk memastikan harga tidak dinaikkan sewenang-wenangnya. Walau bagaimanapun, suka dijelaskan di sini bahawa harga barangan makanan yang dikawal oleh kerajaan ialah, susu pekat manis, gula, tepung gandum serba guna dan beras. Oleh kerana bukan semua harga barangan makanan yang diimport dikawal oleh kerajaan, maka kemampuan kementerian untuk memastikan harga barangan tersebut rendah adalah terhad. Dalam hal ini pengguna perlu bijak membuat pilihan. Pemeriksaan dan penguatkuasaan di seluruh negara sentiasa dilakukan bagi memastikan tiada mana-mana pihak mengambil kesempatan untuk memanipulasikan bekalan dengan cara menahan bekalan daripada sampai kepada pengguna sama ada disimpan atau disorok dengan tujuan supaya pengguna terpaksa membayar dengan harga yang lebih untuk mendapatkan bekalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan tentang pengawasan harga barang-barang yang dikawal, kita terima jaminan daripada kementerian bahawa kementerian ada pegawai-pegawai untuk mengawal dan mengawasi harga-harga barang ini yang terkawal di bandar-bandar besar. Tetapi bagaimana di bandar-bandar kecil, di luar-luar bandar tidak ada pegawai kementerian. Kita ada mendapat keluhan daripada orang-orang kampung, orang-orang luar bandar bahawa pengawasan harga barang tidak dilaksanakan dengan kemas di kawasan-kawasan luar bandar. Saya minta sedikit jaminan daripada kementerian, adakah kementerian akan menghantar pegawai-pegawai juga ke kawasan-kawasan pedalaman luar bandar untuk mengawasi harga barang-barang yang terkawal.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemeriksaan premis-premis perniagaan dijalankan oleh pegawai-pegawai baik di bandar mahu pun di luar bandar dan sebagai contoh sukalah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh 1 Januari 1998 hingga 17 Oktober tahun ini pemeriksaan Ops Sedar iaitu pemantauan harga barang-barang di bandar dan luar bandar dijalankan. Kalau di bandar sebanyak 287,953 premis diperiksa. Di luar bandar sebanyak 87,252 premis perniagaan diperiksa begitu juga premis di ladang sebanyak 1,349; FELDA/FECRA sebanyak 3,915 premis perniagaan dan kampung baru sebanyak 1,968 premis perniagaan. Bagi jumlah tempoh sepuluh bulan tahun ini adalah sebanyak 382,437 premis perniagaan telah diperiksa. Ini menunjukkan bahawa pemeriksaan dijalankan di bandar dan di luar bandar.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan musim tengkujuh sekarang dan juga tengkujuh La-Nina yang melanda negara kita, sekarang ini di daerah Grik, Gua Musang, Baling, Padang Terap, mereka sudah tidak menoreh getah sebulan, tetapi wakil rakyat Padang Terap tidak tahu perkara

ini. Sebulan sudah tidak menoreh getah dan harga beras begitu mahal, harga minyak begitu mahal, apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk mengeluarkan kupon-kupon kepada mereka yang ditimpa malapetaka, hujan lebat ini ataupun mereka yang berpendapatan rendah ini untuk mendapat harga beras yang lebih murah yang disubsidi oleh kerajaan, minyak masak, susu dan sebagainya kerana mereka akan menghadapi hujan lebat, lebih kurang dua bulan lagi dijangka di kawasan-kawasan seperti ini. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan kupon-kupon subsidi kepada penduduk-penduduk di daerah ini untuk meringankan lagi beban mereka. Wakil Rakyat Padang Terap tidak fikir perkara ini, jadi saya tolonglah bagi pihak Padang Terap.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, bagi kementerian saya kita memang bagi keseluruhan negara menentukan bekalan mencukupi dan harganya adalah dalam paras yang berpatutan. Harga minyak, beras dan sebagainya adalah harga yang sama bukan di daerah yang disebutkan oleh Yang Berhormat telah naik ataupun tidak, harganya sama dan seterusnya dikawal oleh kementerian. Minyak masak bagi kegunaan domestik adalah diberi subsidi oleh kerana harga yang dijual di pasaran itu lebih rendah jika dibandingkan harga yang boleh diperolehi oleh pengeluar di luar negara kita. Tentang bantuan kepada keluarga-keluarga itu, perkara ini perlu dirujuk kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di mana ada rancangan-rancangan, kalau ada mereka yang mengalami penderitaan ataupun mengalami kesusahan, mereka boleh ditimbang dan terdapat beberapa program untuk membantu mereka yang mengalami masalah La-Nina, ataupun banjir dan sebagainya mereka boleh menerima bantuan. Ini adalah dia punya kriteria, berapa dia punya kehilangan apakah kompaun dan sebagainya. Kementerian kita tidak bercadang untuk mengeluarkan kupon sebagai subsidi kepada mana-mana pihak.

*[Soalan No:10 – Y.B. Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru) tidak hadir]*

## **BAHAGIAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN – CADANGAN PENSWASTAAN**

11. **Tuan Yunus Rahmat (Jelebu)** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kedudukan/cadangan penswastaan Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan, rasional dibuat walaupun dijangka kerajaan mengalami kerugian.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penswastaan Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan, Jabatan Pengangkutan Jalan sedang dikaji secara terperinci oleh agensi-agensi kerajaan sebelum apa-apa keputusan dibuat. Memandangkan kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenainya, persoalan mengenai kerugian dan rasional penswastaan projek ini adalah terlalu awal untuk dijelaskan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa ada skim-skim penswastaan yang dianjurkan oleh kerajaan, mendatangkan keuntungan kepada kerajaan dan ada juga yang mendatangkan kerugian kepada kerajaan dan rakyat dan ada juga kadangkala kerajaan terpaksa menyelamatkan semula penswastaan tersebut kerana menghadapi masalah. Adakah pihak kementerian dan Jabatan Perdana Menteri akan mengkaji semula sistem penswastaan ini supaya sistem penswastaan ini sebenar-benarnya menguntungkan kedua-dua belah pihak dan rakyat. Contohnya, dari segi kerajaan mendapat keuntungan, rakyat mendapat keuntungan dan syarikat yang menswastakan sesuatu projek kerajaan itu juga mendapat keuntungan kerana sekarang ini keadaan ekonomi berbeza daripada dulu, jadi adakah pihak kerajaan akan mengkaji dengan lebih mendalam dan terperinci tentang penswastaan-penswastaan yang akan diadakan di masa-masa akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, selalunya sebelum kita membuat satu-satu penswastaan sudah tentulah faktor yang

penting diambil kira ialah semua pihak akan mendapat keuntungan. Bagi rakyat mungkin ia mendapat satu perkhidmatan yang lebih baik dan efisien, bagi pekerja-pekerja ia akan mendapat gaji yang lebih lumayan dan bagi kerajaan kita dapat mengurangkan bebanan kos perkhidmatan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan. Jadi semua pihak seharusnya mendapat keuntungan daripada penswastaan ini tetapi kalau dalam apa-apa suasana yang berlaku yang berkemungkinan ada di satu pihak ini tidak mendapat keuntungan seperti mana yang diharapkan maka sudah tentulah kerajaan sentiasa bersedia untuk mengkaji semula apa-apa penswastaan yang telah dibuat. Walau bagaimanapun, saya hendak sebut di sini iaitu bahawa sememangnya kerajaan membuat kajian yang terperinci sebelum kita mengambil apa-apa keputusan dalam soal penswastaan ini.

**Tuan Yunus Rahmat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan keputusan untuk memberikan kepada sebuah syarikat bagi urusan penswastaan ini telah pun dibuat dan malah syarikat ini telahpun membina bangunan sendiri, menyewa bangunan swasta dan menyewa sebahagian daripada bangunan yang dimiliki oleh JPJ yang sedia ada di negeri-negeri di samping membayar gaji pekerja-pekerja sejak beberapa bulan yang lalu. Jadi saya ingin kepastian sama ada syarikat ini apa yang dinamakan Urusdaftar adalah merupakan syarikat yang telah menerima dan berjaya di dalam mendapat projek penswastaan ini dan saya ingin tahu berapakah tanggungan yang telah dibuat oleh pihak Urusdaftar di dalam soal membayar gaji, menyediakan peralatan dan juga membina dan menyewa bangunan-bangunan yang berkenaan di dalam usaha untuk menjayakan projek yang besar ini.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah keputusan belum dibuat oleh Kabinet untuk meluluskan penswastaan daripada syarikat yang memohon ini dan saya kira kalau mereka membuat apa-apa yang dikatakan sebagai persiapan itu kemungkinan mereka melakukan sebagai menunjukkan kesungguhan dan kesediaan mereka kalau sekiranya penswastaan ini diberikan kepada mereka.

*[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka] tidak hadir]*

### **KAWALAN MODAL - KESAN KE ATAS PELABURAN ASING**

13. Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat manakah aliran pelaburan asing secara langsung ke negara ini telah terjejas semenjak negara mengamalkan kawalan modal (exchange controls). Apakah pula implikasinya ke atas strategi perindustrian negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan asing langsung atau FDI yang masuk ke negara ini tidak terjejas oleh kawalan mata wang yang diperkenalkan oleh kerajaan pada 1 September 1998. Peraturan-peraturan baru kawalan mata wang tidak akan menjejaskan operasi para pelabur jangka panjang di mana pelabur-pelabur asing terus dibenarkan membawa keluar keuntungan dan dividen yang diperolehi daripada pelaburan mereka di negara ini.

Di samping itu para pengeksport juga terus dibenarkan mengekalkan akaun mata wang asing untuk menyimpan pendapatan eksport dalam mata wang asing. Kawalan mata wang tersebut bertujuan untuk membanteras aktiviti spekulasi di pasaran mata wang dan saham. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan pelaburan asing langsung yang diterima oleh MITI untuk mendirikan projek perkilangan di Malaysia dalam tempoh Januari hingga September 1998 berjumlah RM6.8 bilion di mana sebanyak RM102.3 juta adalah bagi bulan Julai, RM290.2 juta bagi bulan Ogos dan RM560.3 juta bagi bulan September 1998.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan baru kawalan mata wang tidak akan menjejaskan strategi-strategi perindustrian negara. Kerajaan akan terus berusaha untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara ini khususnya

dalam industri-industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, berintensifkan modal dan berteknologi tinggi. Untuk tujuan ini kerajaan akan terus mengekal dan mempertingkatkan daya saing negara, mengekalkan kestabilan politik, menyediakan prasarana yang baik, gunatenaga yang produktif, jentera kerajaan yang cekap dan polisi-polisi yang pro perniagaan.

**Tuan Yang di-Pertua: Kepong.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berharap Yang Berhormat tidak akan lari daripada soalan saya seperti Padang Terap tadi. Bolehkah Yang Berhormat terangkan daripada RM6.8 bilion yang diluluskan oleh MITI tadi, berapa peratus sudah pun melabur di dalam negara ini dan bolehkah Yang Berhormat terangkan sebagaimana yang disebutkan tadi bahawa kawalan pertukaran mata wang asing tidak menjejaskan pelaburan asing langsung. Adakah ini bermakna kawalan ini tidak kena mengena dengan para pelabur di dalam negara ini?

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, daripada RM6.8 bilion yang diluluskan, saya tidak dapat memberikan setakat mana yang telah pun dilaburkan. Itu approved, tetapi yang dilaburkan belum lagi. Tetapi saya bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua, bagi yang diluluskan, ini angka yang berlainan sedikit sebab ada over lap 1998 dan juga 1997, approved, lepas itu kini didirikan kilang. So, bagi yang diluluskan di dalam Januari 1998 hingga September 1998, modal asing sebanyak RM10,518.7 juta.

Dari segi kawalan modal, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong seharusnya maklum, apabila kita kawal khususnya dari segi exchange rate controls, kita dapati bahawa mereka yang hendak melabur mendapati ianya lebih senang oleh kerana tidak ada volatility dari segi pasaran. Kalau pada suatu ketika, bulan Januari, harga lebih kurang RM4.20, RM4.30 bagi US\$1, bila sampai ke Malaysia harga itu akan melebihi daripada itu, nilai

itu akan melebihi daripada itu, maka ini menyebabkan para pelabur keloh kesah, tidak dapat menentukan exchange rate yang sebenar. Tetapi kalau RM3.80 pada US\$1 ianya akan lebih senang oleh kerana para pelabur boleh buat perancangan untuk mereka melabur setakat mana dan dari segi hendak membeli capital goods, modal, perancangan boleh dibuat untuk tujuan membeli capital goods oleh kerana didapati bahawa exchange rate control ini dapat menentukan berapa modal yang diperlukan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Mana boleh tanya soalan tambahan lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Wangsa Maju.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika pelaburan itu dinilai dalam bentuk US Dolar, bolehkah pihak kementerian memberitahu sama ada dalam tempoh yang sama bahawa lebih atau kurangnya pelaburan daripada luar itu bagi tahun ini dibanding dengan tahun lepas.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, saya ambil satu contoh berkenaan dengan pelaburan atau projek perkilangan yang diluluskan bagi tahun 1997 secara menyeluruh. Jumlah modal asing yang dilaburkan ialah sebanyak RM11,472.9 juta. Ini kalau exchange rate 1997, kalau kiranya sebelum kegawatan ekonomi atas paras RM2.50 pada US\$1, ianya bermakna lebih kurang US\$4,000 juta lebih kurang macam itu, tetapi di dalam bulan Januari hingga September 1998, modal asing yang dilaburkan ialah sebanyak RM10,518.7 juta atas kadar RM\$3.80 pada US\$1, ia hanyalah lebih kurang US\$3,000 juta tetapi ini daripada Januari hingga September 1998 walhal angka yang saya sebutkan tadi sebanyak US\$11,472.9 juta bagi keseluruhan tahun 1997.

Kita menjangkakan bahawa projek-projek yang diluluskan bagi Januari hingga Disember 1998 dari segi Ringgit Malaysia tidak akan banyak berbeza dengan apa yang diluluskan bagi tahun 1997. Tetapi boleh jadi oleh kerana exchange ratenya meningkat sedikit, ianya akan boleh jadi berkurangan sedikit, oleh kerana exchange rate tadi.

### **KEMPEN PENGGUNAAN BARANGAN KELUARAN MALAYSIA - SAMBUTAN**

14. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sambutan masyarakat Malaysia terhadap kempen penggunaan barangan keluaran Malaysia dari sudut peniaga dan juga pengguna.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut dijawab pada 27 Oktober 1998 dan saya tidak ada apa-apa yang hendak ditambah pada soalan itu.

### **PEGAWAI-PEGAWAI BELIA - CADANGAN MENAMBAH**

15. Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said [Kuala Nerus] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kementerian bercadang memperbanyakkan pegawai-pegawai belia di peringkat Dewan Undangan Negeri, Parlimen, Daerah dan Negeri memandangkan kementerian amat ketara kekurangan pegawai di peringkat bawahan untuk berurusan dengan persatuan belia bagi diberi bimbingan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memang bercadang untuk memperbanyakkan pegawai-pegawai belia dan sukan di peringkat negeri-negeri dan daerah-daerah, tetapi oleh kerana kegawatan ekonomi yang dihadapi sekarang ini, cadangan tersebut terpaksa ditangguh buat sementara waktu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar penempatan pegawai-pegawai

belia dan sukan adalah dibuat mengikut peringkat negeri dan daerah sahaja dan bukan mengikut kawasan Parlimen dan kawasan Dewan Undangan Negeri.

*[Soalan No. 16 - Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]*

### **SUKAN OLIMPIK 2008 - PROGRAM DAN PERANCANGAN**

17. **Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah bentuk program dan perancangan yang disediakan untuk menjadikan Sukan Olimpik pada masa akan datang dapat diadakan di Malaysia.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, jemaah menteri telah bersetuju supaya kita membuat penawaran untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan Olimpik 2008. Ini adalah hasil daripada kejayaan mengelolakan Kuala Lumpur 98 Sukan Komanwel Ke-XVI. Mesyuarat jawatankuasa penaja telah diadakan pada 13 Oktober 1998 untuk membincangkan perkara ini dan mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa penawaran yang terdiri daripada wakil-wakil jabatan-jabatan kerajaan dan pihak swasta ditubuhkan untuk mengusahakan penawaran Sukan Asia 2006 dan Sukan Olimpik 2008.

Jawatankuasa yang akan ditubuhkan ini akan merancang strategi-strategi bagi membolehkan Malaysia mendapat hak menjadi tuan rumah kepada kedua-dua temasya sukan berkenaan.

*[Soalan No.18 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]*

**ANGGOTA POLIS - INSENTIF BAGI  
KEBAJIKAN SELEPAS BERSARA**

19. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan insentif-insentif yang sedia ada bagi anggota polis yang telah bersara supaya kebajikan golongan ini tidak diabaikan setelah berbakti kepada negara. Apakah langkah yang diambil untuk menarik minat lebih ramai golongan muda supaya menyertai kerjaya ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain bayaran pencen bulanan, insentif-insentif yang sedia ada bagi pegawai dan anggota polis yang telah bersara tidak diberi secara terus kepada individu sebaliknya disalurkan melalui Persatuan Bekas Polis Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan bagi menjaga kebajikan golongan ini. Kerajaan Pusat memberi sumbangan tahunan sebanyak RM100,000 kepada Persatuan Bekas Polis Malaysia. Di samping itu kerajaan-kerajaan negeri juga ada menyumbang bantuan kewangan kepada cawangan Persatuan Bekas Polis di peringkat negeri.

Selain geran tahunan dari Kerajaan Pusat dan negeri pihak Kementerian Dalam Negeri juga mengelolakan Tabung Amanah Warisan Polis yang peruntukan tabung itu diperolehi dari Kerajaan Persekutuan dan digunakan untuk membantu bekas-bekas polis yang memerlukan bantuan manakala Hari Rayuan Derma Persatuan Bekas-bekas Polis Malaysia akan dilancarkan pada bulan Mac 1999 iaitu sempena Peringatan Hari Polis dalam usaha menjaga kebajikan anggota polis yang telah bersara.

Sementara itu langkah-langkah yang telah diambil oleh PDRM bagi menarik minat lebih ramai golongan muda supaya menyertai kerjaya polis di antaranya ialah menghebah kekosongan jawatan polis melalui media cetak dan media elektronik, menerusi kerjasama oleh Cawangan Perhubungan Awam Polis dengan media cetak mengadakan ruangan tetap mingguan untuk memuatkan maklumat kerjaya PDRM di akhbar-akhbar dan mengadakan pameran dan ceramah di sekolah-sekolah dan

institusi pengajian tinggi. Melalui usaha-usaha tersebut setiap kali iklan kekosongan jawatan PDRM disiarkan di akhbar-akhbar telah mendapat sambutan yang menggalakan. Bagi tempoh tahun 1996 hingga 1998 hingga kini sejumlah 51,422 permohonan diterima dan sejumlah 7,415 orang calon yang sesuai telah dilantik.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang saya tahu Persatuan Bekas Polis ini terdiri daripada lebih kurang 80,000 anggota, persatuan yang amat besar dan dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berjanji supaya pemimpin daripada Persatuan Bekas-bekas Polis ini untuk dilantik sebagai Senator untuk mewakili bekas-bekas polis. Apa terjadi dengan perjanjian kepada saya tempoh hari?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu perjanjian dibuat oleh mana Timbalan Menteri tetapi kuasa melantik Senator bukan berada di dalam Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun pucuk pimpinan kerajaan akan memberi pertimbangan dan sejauh mana dapat dipertimbangkan adalah di luar kemampuan saya untuk menjawab.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan imej polis kebelakangan ini agak menurun pada pandangan saya, misalnya ada polis yang menembak pegawai BPR, ada polis yang tertembak orang yang mengandungi dan menangani kumpulan reformasi. Adakah keadaan ini menjejaskan kemasukan baru untuk menjadi anggota polis kerana yang akan menyertai polis ini adalah anak orang bawahan, anak-anak pemimpin BN yang besar-besar itu tidak menyertai polis tetapi yang menyertai polis jawatan yang bawah ini. Adakah ia menjejaskan imej polis dan kemasukan orang-orang baru dengan imej yang ada sekarang ini, apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan semula imej polis di kalangan masyarakat sekarang ini.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan anggota polis daripada lebih kurang 80,000 anggota itu mereka berwibawa, mereka ada imej yang

baik cuma kadangkala ada segelintir anggota polis menyeleweng atau membuat sesuatu melanggar peraturan atau disiplin polis dan kita tidak anggap mereka ini adalah satu 'perwakilan' ataupun satu imej yang kita sepatutnya timbulkan bagi pihak pasukan polis. Kerajaan bercadang supaya dari masa ke semasa polis ini diberi latihan dan juga diberi ingatan dan juga diberi ganjaran apabila mereka membuat baik dan yang mendatangkan faedah kepada masyarakat. Pada masa yang sama kita kena adil kepada polis kalau hanya beberapa orang polis yang salah, kita tetap gunakan undang-undang terhadap mereka dan bukan cuba hendak merosakkan imej keseluruhan polis. Jadi, salah satu langkah kita menyeru kepada pihak-pihak tertentu jangan suka-suka 'menyerang' atau menjadikan imej polis rosak kerana polis masih satu pasukan beruniform yang sangat penting untuk menjaga keamanan dan kestabilan negara kita.

*[Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 8, 10, 12, 16, 18, 20 dan 21 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

#### **Dan**

#### **USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1999, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,053,037, dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun

kewangan 1999, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas perintah 23 Tahun 1998 adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementara dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut" [5 November 1998]

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Kementerian Kewangan menjawab.

**Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbincangan mengenai Belanjawan 1999, secara umumnya belanjawan diterima baik oleh Ahli Yang Berhormat walaupun isu-isu kadang-kadang melencong dari topik asal tetapi kita berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah menyokong usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi negara khususnya. Secara umumnya ada empat perkara besar yang dibangkitkan.

- (i) Berkaitan dengan langkah-langkah untuk mengenakan kawalan secara terpilih ke atas tukaran wang termasuklah penetapan kadar tukaran antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika.
- (ii) Isu-isu berkaitan dengan bank, Bank Bumiputra, Sime Bank, NPL dan lain-lain.
- (iii) Berkaitan dengan kadar pertumbuhan dan juga kadar defisit yang dikatakan besar.
- (iv) Berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang telah disediakan dalam belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya berharap jika jawapan ini tidak mencukupi Ahli Yang Berhormat boleh lagi membangkitkannya semasa Peringkat

Jawatankuasa. Kita ada dua hari, hari ini dan esok untuk Peringkat Dasar dan saya akan memberikan penjelasan tentang kebanyakan isu yang dibangkitkan.

Pertama, berkaitan dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara. Isu ini dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun, Bandau, Seputeh, Bayan Baru dan Bukit Mas. Antara lain bertanya sama ada kadar pertumbuhan 1% untuk tahun hadapan itu boleh kita capai ataupun tidak. Saya ingin menjelaskan bahawa kadar 1% ini adalah diramalkan setelah kita mengambil kira beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mendorong pemulihan pelaburan dan penggunaan dalam negeri dan dengan itu mencergaskan semula ekonomi negara khususnya sektor pembuatan dan perkhidmatan. Langkah-langkah ini termasuklah dorongan fiskal, penubuhan Danaharta dan Danamodal, penurunan kadar faedah, menambah kecairan dalam sistem bank dengan menurunkan rizab berkanun (SRR), kawalan modal jangka pendek untuk memulihkan keyakinan pelabur dalam pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita juga menjangka bahawa perdagangan dunia akan bertambah lebih pesat sedikit iaitu 4.6% tahun hadapan berbanding 3.7% tahun ini. Ini sudah pasti memberi sedikit sebanyak manfaat kepada ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga kita dapati sektor pembuatan kita tahun ini kuncup dengan 5.8%, tahun hadapan kita menjangka sektor ini akan berkembang 1%. Sektor pertanian juga kuncup tahun ini sebanyak 5.9%, tahun hadapan dijangka berkembang sebanyak 3.9%. Sektor perlombongan juga dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.5%.

Memandangkan apa yang telah saya terangkan tadi, maka kadar pertumbuhan yang kita ramalkan tahun hadapan ialah 1%. Malah ada penganalisa di luar yang menyatakan bahawa ramalan ini agak pasimistik, ada di antara mereka meramalkan kadar pertumbuhan di antara 2% hingga 3%. Itu ramalan mereka, bagi kerajaan kita menjangka kadar pertumbuhan akan berada di sekitar 1%.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu kita ingin menekankan bahawa.....

**Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.**

**Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar ramalan bahawa pada tahun hadapan pertumbuhan ekonomi akan mencapai 1% dibuat sebelum kawalan modal dikenakan dan adakah ini menunjukkan bahawa tidak ada perubahan besar dengan mengenakan kawalan modal itu.**

Yang kedua, mengapakah sehingga sekarang kadar pertumbuhan ekonomi dalam third quater belum diumumkan sungguhpun Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (NERP) ada menegaskan bahawa sangat penting ada maklumat mengenai data-data ekonomi dengan masa yang secepat mungkin dan dua minggu lalu Singapura sudah mengumumkan kadar pertumbuhan third quater ialah kontrak 1.5%, mengapa di Malaysia kita belum ada angka-angka seperti itu untuk membantu penganalisa dan pelabur-pelabur dalam rancangan mereka.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Angka-angka berkaitan pertumbuhan ini ada dengan izin, lapse period antara enam hingga tujuh minggu, oleh itu kita menjangka dalam sedikit masa lagi angka-angka untuk suku tahun yang ketiga akan dapat kita umumkan. Seperti yang sedia maklum, suku tahun ketiga bermula Julai akhir September – tiga bulan dan kita percaya bahawa angka ini akan dikeluarkan sedikit masa lagi.

Yang keduanya berkaitan dengan langkah-langkah kawalan modal. Isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong apabila Dewan ini bersidang, telah pun dibangkitkan sebelum ini dan kita telah pun menjawabnya. Kita sebenarnya pada peringkat ini melihat pada angka-angka yang ada pada kita, ada tanda-tanda menunjukkan pemulihan yang agak ketara, tetapi pada masa yang sama ada juga, dengan izin, 'caution'nya, khususnya berkaitan dengan ekonomi antarabangsa. Walaupun perdagangan antarabangsa dijangka meningkat walaupun sudah ada tanda-tanda ekonomi umpamanya Amerika Latin telah mula masalah yang dapat diselesaikan tetapi kerajaan masih lagi belum, dengan izin, comfortable untuk mengisytiharkan satu angka yang lebih tinggi. Pada masa ini 1% merupakan angka yang kita rasa dapat kita capai.

Sebenarnya kalau kita lihat kepada angka-angka terkini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa umpamanya angka-angka perdagangan yang dikeluarkan hujung minggu lepas. Pada bulan September, imbalan perdagangan negara kita mencatatkan kadar paling tinggi dalam tahun ini, RM6.2 ribu juta, yang paling tinggi bagi satu-satu bulan. Oleh itu kalau dalam Belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut lebih dagangan perdagangan sebanyak RM32 ribu juta, hari ini sudah mencecah RM38 ribu juta. Ini satu petanda yang baik.

Saya ingin memaklumkan juga bahawa rizab luar negara juga telah bertambah dengan ketara. Keadaan hari ini berbanding dengan keadaan akhir Ogos, rizab luar negara dalam Dolar Amerika telah meningkat, lebih sebenarnya, US\$3.7 ribu juta. Jadi ini tanda-tanda menunjukkan keyakinan telah bertambah

khususnya, dengan izin, external account kerajaan ataupun negara kita Malaysia. Tetapi walaupun ada tanda-tanda sedemikian, kita berpendapat 1% adalah reasonable. Saya ingin menekankan bahawa langkah-langkah yang diumumkan pada 1 September telah pun memberikan kesan yang positif dan ini dapat dilihat pada angka-angka yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Kepong, Seputeh, Labuan dan Tuaran telah membangkitkan isu pembiayaan defisit perbelanjaan kerajaan pada tahun depan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita menjangkakan defisit sebanyak RM16.1 ribu juta tahun depan dan pada masa ini kita menjangkakan kira-kira 2/3 daripada sumber pembiayaan ini akan diperolehi daripada dalam negeri dan 1/3 daripada luar negara. Walaupun pada peringkat awal kita menjangkakan bahawa kita akan dapat lebih daripada luar negara, iaitu 2/3 luar negara, 1/3 dalam negara, pada hari ini kita menjangkakan oleh kerana banyak sumber dalam negeri, kita sudah buat keputusan untuk mengambil sebahagian besar daripada sumber pembiayaan tahun depan, sumber-sumber dalam negara.

Umpamanya, daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, yang mana dengan izin, surplusnya ataupun lebihan bulanan adalah dalam lingkungan RM1.1 hingga RM1.2 ribu juta sebulan. Ini lebihan ataupun kutipan lebihan yang diperolehi oleh EPF (KWSP) setiap bulan. Itu sebagai contoh menunjukkan bahawa terdapat sumber-sumber yang mencukupi dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu kita akan juga membuat sedikit pinjaman luar negara, seperti yang saya katakan tadi 1/3 daripada keperluan tahun depan akan kita ambil daripada luar negara. Dan ini adalah berasaskan kepada hutang luar Kerajaan Persekutuan yang kecil. Pada akhir tahun ini RM11.9 ribu juta iaitu cuma 4.6% daripada keluaran negara kasar dan nisbah semak hutang Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan cuma 0.9% dan jika kita ambil kira hutang luar sektor swasta dan hutang awam bukan kerajaan, debt servicing ratio, dengan izin, ialah 7.2% iaitu satu angka yang begitu kecil

berbanding dengan beberapa buah negara di mana angkanya melebihi 20%. Oleh itu kapasiti kita, keupayaan kita untuk meminjam, keperluan negara adalah agak besar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Selain daripada KWSP, disebutkan lebih dari RM1 bilion kelebihan setiap bulan, bolehkah Yang Berhormat terangkan iaitu punca-punca yang lain daripada dalam negara dan juga adakah pinjaman daripada luar itu melalui Singapura, seperti yang disebutkan dua hari yang lepas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Perdana Menteri Singapura. Dan kalau kita dapati daripada luar, apakah dianggarkan kadar faedah yang akan kita bayar?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada KWSP, sumber-sumber lain pinjaman termasuklah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Tabung Haji pun ada duit sedikit, ini antara sumber-sumber utama tetapi yang paling besar ialah KWSP. Keperluan kita cuma RM16.1 ribu juta. Saya kata tadi surplus daripada KWSP, RM1.1 hingga RM1.2 ribu juta sebulan, bermakna RM12 - RM13 ribu juta ini dana yang ada pada EPF sahaja. Jadi ini bermakna bahawa kita tidak akan ada sebarang masalah untuk mengambil pinjaman dalam negeri tahun ini ataupun tahun depan.

Yang kedua berkaitan dengan kadar faedah pinjaman luar negara. Pada masa ini kalau kita dengan izin, go to the international market, oleh kerana rating kita, kadar penarafan kita adalah rendah, maka kadar faedah yang perlu kita bayar untuk pinjaman ini adalah tinggi. Oleh itu pada masa ini kita telah buat keputusan untuk tidak mengambil pinjaman daripada International Capital Market, dengan izin. Tumpuan kita ialah untuk mengambil pinjaman daripada sumber dua hala ataupun bilateral sources termasuk yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong. Minggu lepas kita telah dimaklumkan tentang kemungkinan pinjaman daripada negara Singapura, Jepun dan lain-lain. Pada umumnya pinjaman dua hala ini daripada negara-negara luar adalah pada kadar

faedah yang lebih rendah, daripada kalau kita pinjam dari bank-bank antarabangsa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyatakan kebimbangan bahawa kerajaan akan menggunakan caruman rakyat dalam KWSP untuk membiayai kehendak-kehendak tertentu. Perkara ini dibangkitkan oleh Tanjong, Cheras, Bintulu dan juga Tambun antara lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa KWSP merupakan pelanggan utama kepada Sekuriti Kerajaan Malaysia ataupun Malaysian Government Securities, ini diperlukan oleh undang-undang KWSP. Lain-lain pelaburan yang dibuat oleh KWSP adalah dalam pelaburan jangka panjang yang selamat dengan kadar pulangan yang terjamin. Sungguhpun Akta KWSP menetapkan pelaburan dalam MGS tidak kurang daripada 50% jumlah pelaburan KWSP, pada masa ini hanya 28% sahaja yang telah dilaburkan dalam MGS oleh kerana kerajaan sebelum ini khususnya tidak perlu membuat pinjaman berikutan kedudukan kewangan yang kukuh 3, 4 tahun yang lalu. Pelaburan KWSP dalam pasaran saham pula dilakukan sebagai langkah untuk mempelbagaikan pelaburan di samping mendapat pulangan yang lebih baik dalam jangka panjang. Pengesahan adalah berpandukan kepada kekukuhan dan potensi syarikat. Pada masa ini pelaburan KWSP dalam pegangan ekuiti saham adalah sebanyak 18%. Kesemuanya, EPF mempunyai dana pada masa ini kira-kira RM138 bilion. Daripada RM138 bilion kita-kira 18% adalah dilaburkan dalam pasaran saham.

Ahli Yang Berhormat daripada Lanang mencadangkan supaya caruman pihak majikan kepada KWSP dikurangkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Di KWSP, mengenai kekuatiran semua pinjaman-pinjaman KWSP mengenai pelaburan wang itu. Baru-baru ini KWSP ada membeli 100% bon yang diterbitkan oleh kerajaan sebanyak RM6 bilion dan ini ada dilaporkan dalam media, asing nampaknya tidak ada apa keterangan yang dibuat sama ada oleh KWSP atau oleh pihak kerajaan, apa tujuan RM6 bilion bon ini. Adakah ini akan digunakan, apakah hasrat atau maksud mereka, apa jaminan bahawa RM6 bilion bon ini daripada KWSP tidak ada digunakan untuk bail-out syarikat-syarikat kroni, bertujuan baik untuk semua rakyat dan bukan segelintir orang. Tidak bolehkah satu sistem yang lebih terbuka, accountable diadakan mengenai cara pelaburan KWSP di mana semua 8 juta kontributor-kontributor ada hak untuk mengawal selia palaburan ini supaya selaras dengan prinsip accountability dan transparency.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Dalam Parlimen persoalan mengenai pelaburan KWSP dibangkitkan dari masa ke semasa dan kerajaan memberi penjelasan di mana wang ini dilaburkan. Selain itu KWSP ada lembaga pengarahnya sendiri yang mana diwakili juga oleh kepentingan pekerja. Oleh itu isu-isu sebarang keraguan boleh dibangkitkan dalam Parlimen dan juga oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah semasa diadakan mesyuarat. Berkaitan dengan RM6,000 juta, perkara ini dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong di luar Parlimen dan saya akan menjawab sekarang oleh kerana dibangkitkan dalam Parlimen.

Yang Berhormat dari Tanjong bertanya untuk apa RM6,000 juta ini digunakan dan Yang Berhormat seperti biasa membangkitkan kesangsian, keraguan sama ada wang ini akan digunakan oleh apa yang dianggap oleh Yang Berhormat Tanjong sebagai kroni. Tahun ini saya ingin memaklumkan, tahun 1998 kita ada defisit kira-kira RM9.6 ribu juta, iaitu defisit Kerajaan Pusat,

tahun depan RM16.1 ribu juta. Ada defisit kita perlu pinjam, keperluan kita RM9.6 ribu juta maka itu RM6,000 juta yang diambil atau dipinjam EPF sebahagian besarnya, kalau pun tidak semua, akan digunakan untuk membiayai defisit yang saya sebutkan tadi. Adalah tidak benar sama sekali tohmahan ahli Yang Berhormat bahawa wang ini akan digunakan untuk menyelamatkan orang-orang ataupun syarikat-syarikat tertentu.

Izinkan saya meneruskan penjelasan ini. Ahli Yang Berhormat dari Lanang mencadangkan supaya caruman pihak majikan kepada KWSP dikurangkan daripada 12% kepada 10%. Sementara Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru mencadangkan supaya caruman pekerja yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan ditanggung oleh pihak majikan. KWSP seperti mana sedia maklum adalah satu skim tabungan untuk faedah persaraan pekerja sendiri di mana berdasarkan kadar caruman bulanan semasa, majikan telah pun memberi sumbangan caruman yang lebih besar iaitu 12% daripada pendapatan upah bekerja berbanding caruman yang dibayar pekerja sebanyak 11%. Di negara yang lain termasuklah negara jiran kita, caruman pekerja dan pihak majikan adalah lebih besar daripada negara kita Malaysia. Kerajaan berpendapat adalah wajar pekerja dan majikan terus mencarum kepada KWSP mengikut kadar caruman bulanan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menjawab beberapa isu berkaitan dengan kawalan modal dan juga kadar pertukaran Ringgit Malaysia khususnya berbanding dengan Dolar Amerika. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Parit Sulong, Batang Lupar antara lain membangkitkan perkara ini iaitu isu kadar pertukaran Ringgit. Tanjong membangkitkan soalan mengenai asas dan rasional penetapan kadar pertukaran Ringgit, pada US\$1 bersamaan

dengan RM3.80 ataupun RM1 bersamaan dengan US\$0.2632. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar yang ditetapkan ini berasaskan kadar pasaran pertukaran Ringgit berbanding dengan Dolar Amerika yang diurusniagakan pada 2 September. Itulah jawapannya. Ia ditetapkan berdasarkan kepada kadar yang dengan izin, prevailing pada 2 September tahun ini. Dengan penetapan ini ia memberi kepastian kepada para peniaga dan memudahkan mereka membuat keputusan pelaburan. Ianya dapat mengehadkan tekanan susut nilai akibat daripada faktor luaran yang tiada hubungan dengan asas ekonomi Malaysia. Kadar pertukaran ini ditetapkan kita anggap sesuai ataupun appropriate memandangkan kadar ini membolehkan ekonomi negara terus berdaya saing. Ia dapat dilihat daripada kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran negara yang kukuh. Kesesuaian kadar pertukaran ini juga ternyata apabila seperti mana yang saya sebutkan tadi perdagangan luar Malaysia bagi bulan September telah mencatat lebih yang tertinggi tahun ini iaitu RM6.3 ribu juta berbanding dengan cuma RM1.1 ribu juta pada September 1997.

**Datuk Dr. Kamal bin Salleh:** [Bangun].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Wangsa Maju bangun.

**Datuk Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memandangkan bahawa Dolar Amerika sudah pun menurun dari segi kekuatannya dan lain-lain mata wang di rantau kita di Asia ini sudah pun appreciate, dengan izin, apakah pandangan kementerian tentang isu misalignment yang boleh menjejaskan daya saing kita dalam perdagangan antarabangsa masa depan. Adakah mekanisme di mana kadar itu akan dipinda

untuk memastikan supaya ianya tidak terlalu terjejas dalam soal bandingan dengan mata wang tempatan di rantau ini.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Apa yang berlaku sejak penurunan nilai Dolar Amerika dalam dua, tiga minggu ini sebenarnya ialah untuk menaikkan nilai beberapa mata wang di rantau ini berbanding dengan Dolar Amerika, misalnya Thai Baht, Dolar Singapura berbanding dengan Dolar Amerika, kedua-dua mata wang ini telah meningkat antara 6% hingga 7% dalam dua, tiga minggu ini, jadi terdapat peningkatan nilai mata wang ini. Peningkatan ini adalah kerana penurunan dalam Dolar Amerika Syarikat. Kita sebenarnya lebih berdaya saing, kalau sebelum ini kita tetapkan RM3.80, sekarang masih RM3.80, sekarang ini dengan kenaikan nilai Thai Baht dan Singapore Dollar ini sebenarnya lebih berdaya saing kerana mata wang ini telah meningkat nilainya berbanding dengan Dolar Amerika. Jadi ini seharusnya menguntungkan para pengeksporth kita.

Selain itu saya ingin menjelaskan bahawa keadaan ini merupakan satu keadaan yang tidak stabil lagi. Kita sukar hendak meramalkan apakah nilai mata wang Dolar Amerika ini akan terus menurun ataupun apakah nilai Baht dan nilai Dolar Singapura akan terus meningkat berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat. Oleh itu kerajaan tidak ada sebarang mekanisme dan tidak bercadang untuk adjust, dengan izin, ataupun mengubahsuai kadar Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika kerana kita berpendapat bahawa keadaan di pasaran kewangan antarabangsa khususnya masih lagi kurang menentu.

Tuan Yang di-Pertua, Ringgit ditetapkan berdasarkan Dolar Amerika memandangkan Dolar Amerika adalah mata wang campur tangan, dengan izin, intervention currency of Bank Negara Malaysia dan kira-kira 75% daripada perdagangan luar Malaysia adalah diurusniagakan dalam mata wang Dolar.

Nilai ringgit berbanding mata wang yang lain adalah ditentukan melalui kadar silang ataupun cross rate memandangkan sebahagian besar mata wang lain terapung berbanding Dolar Amerika Syarikat dalam pasaran tukaran wang asing dan kadar pertukaran Ringgit dengan mata wang asing tersebut ditentukan melalui kadar silang. Penetapan kadar Ringgit dengan mata wang lain akan membuka peluang bagi peniaga memainkan peranan pertukaran mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan kawalan modal. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Marang, Sibul, Senai, Kepong dan Johor Bahru telah membangkitkan isu mengenai kawalan modal, terutamanya mengenai pelaksanaan, keberkesanan serta hasil dan akibat langkah tersebut. Saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya Malaysia tidak bergantung kepada modal jangka pendek untuk membiayai pertumbuhan ekonomi. Pengalaman kita menunjukkan aliran masuk dan keluar modal jangka pendek secara besar dan mendadak telah mengakibatkan ketidakstabilan pasaran saham dan kewangan negara seperti pada tahun 1992 hingga 1994 dan 1997 dan 1998. Memandangkan hakikat ini kerajaan telah mengambil tindakan untuk menstabilkan aliran modal jangka pendek. Terdapat kebimbangan bahawa langkah ini akan menjejaskan pelaburan asing jangka panjang.

Ingin saya jelaskan di sini bahawa syarikat multinational masih menunjukkan minat mereka untuk terus melabur dan memperkembangkan operasi mereka ke negara ini. Seperti yang disebut oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tadi, angka-angka terkini mengenai pelaburan dalam sektor pembuatan adalah membanggakan. Umpamanya dalam tempoh Januari hingga September tahun ini, kita dapati bahawa pelaburan yang telah diluluskan oleh MIDA sebenarnya meningkat dan begitu juga pelaburan asing telah meningkat, kalau tahun lepas, Januari hingga

September cuma RM8.1 ribu juta, Januari - September tahun ini telah meningkat kepada RM10.5 ribu juta.

Jelas sekali kepada kita bahawa tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengadakan kawalan secara selektif ke atas short-term capital ini telah tidak menjejaskan pelaburan asing negara kita. Malaysia telah meluluskan pelaburan daripada Amerika Syarikat sebanyak RM5.9 ribu juta berbanding dengan RM2.3 ribu juta untuk keseluruhan tahun 1997. Ini sebagai contoh.

**Tuan Fu Ah Kiow:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Mentakab bangun.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan tentang angka FDI, pelaburan asing. Kalau mengikut Laporan Ekonomi yang ada di sini menyatakan bahawa pelaburan asing dari bulan Januari hingga bulan Julai cuma RM5.7 bilion sahaja tetapi apa yang dilaporkan tadi dalam tempoh Januari sampai bulan September ialah RM10.5 bilion iaitu yang mana dalam tiga bulan telah bertambah hampir RM4.8 bilion. Adakah ini angka yang dinyatakan, sebab kalau mengikut apa yang dilaporkan dalam Laporan Ekonomi ini bahawa FDI daripada tahun 1997 kalau berbanding dengan 1996 telah pun jatuh RM6 bilion tetapi kalau ikut apa yang dilaporkan dalam laporan ini dalam tujuh bulan, kalau cuma RM5.7 bilion, maknanya FDI pada tahun ini mungkin kurang daripada FDI pada tahun lepas. Saya minta penjelasan tentang angka-angka tersebut.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama angka yang disebut oleh Yang Berhormat dari Mentakab itu adalah angka yang tidak 'up-to-date', yang saya sebut tadi ialah angka sehingga bulan September. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Foreign Direct Investment (FDI) yang diluluskan oleh MIDA pada tahun 1996 memang tinggi iaitu RM17.1 ribu juta dan tahun 1997 RM11.5 ribu juta - itu untuk seluruh tahun. Tahun ini daripada bulan Januari hingga bulan September RM10.5 ribu juta. Oleh kerana tahun ini angkanya cuma hingga bulan September iaitu RM10.5 ribu juta dan seluruh tahun lepas RM11.5 ribu juta, besar kemungkinan angka tahun ini akan melebihi angka tahun lepas. Tetapi benar seperti Ahli Yang Berhormat kata tahun 1996 memang angkanya tinggi iaitu RM17.1 ribu juta.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga kebimbangan bahawa kawalan modal ini boleh membawa kepada pengwujudan pasaran gelap seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengawasi dengan rapi kegiatan pasaran gelap yang berurusan Ringgit berasaskan maklum balas yang diterima daripada orang ramai. Kita telah pun menjawab soalan ini dalam Parlimen beberapa kali dan saya sekadar hendak mengulangi bahawa pada bulan September 1998 pemeriksaan terhadap 11 pengurup mata wang berlesen telah dijalankan manakala dalam bulan Oktober seramai 18 pengurup wang termasuk 10 pengurup mata wang tidak berlesen telah diperiksa. Bank Negara tidak akan teragak-agak untuk menarik balik lesen mana-mana pengurup mata wang yang tidak mematuhi peraturan. Dalam masa yang sama Bank Negara membekal mata wang asing yang secukupnya kepada bank ataupun pengurup mata wang. Oleh yang demikian shortage ataupun kekurangan foreign currency tidak harus berlaku di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya had masa selama setahun bagi peraturan aliran masuk modal dikurangkan. Saya ingin menjelaskan peraturan aliran masuk modal yang telah dilaksanakan adalah bertujuan untuk menyekat kegiatan spekulasi terhadap mata wang Ringgit Malaysia. Oleh itu sebarang pengurangan tempoh selama setahun akan menjejaskan matlamat kerajaan tersebut iaitu untuk mengelakkan spekulasi. Di samping itu peraturan tersebut membebaskan kerajaan melaksanakan dasar kewangan dan kadar faedah. Langkah-langkah ini telah pun menunjukkan tanda-tanda awal pemulihan ekonomi negara. Negara akan terus mempertahankan langkah ini selagi tidak terdapat tindakan tegas masyarakat kewangan antarabangsa mewujudkan rangka sistem kewangan dunia yang baru yang boleh menjamin kestabilan pasaran kewangan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada hasrat pihak kerajaan untuk mengekalkan kawalan tukaran asing selagi tidak ada kestabilan perniagaan mata wang antarabangsa. Bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan sekarang bagaimana kita dapat memberi sumbangan untuk menstabilkan ekonomi antarabangsa? Nampaknya ini satu langkah yang memang pada setakat ini sudah pun menampakkan kebaikan di beberapa bidang tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan jangka panjang kerana kita mesti memainkan peranan yang aktif untuk mengadakan satu order baru di dalam ekonomi antarabangsa ini.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegaskan bahawa langkah-langkah yang kita ambil ini bertujuan untuk mempertahankan ekonomi negara. Tujuan dan matlamat utama kita ialah untuk menstabilkan ekonomi Malaysia untuk melindungi ekonomi Malaysia daripada diserang oleh para spekulator dan untuk memastikan bahawa kita dapat mempertahankan kebebasan kita melaksanakan dasar-dasar kewangan dan fiskal. Oleh itu priority kita bukan untuk menstabilkan kedudukan kewangan antarabangsa. Kita berminat untuk berusaha menstabilkan kedudukan ekonomi antarabangsa tetapi keutamaan kita ialah kepentingan kita sendiri iaitu kepentingan Malaysia. Itulah sebabnya kenapa kita melaksanakan dasar tersebut.

Apa yang berlaku kepada kewangan antarabangsa merupakan satu kesan sampingan, kalau ekonomi Malaysia stabil dengan itu kita boleh menyumbang kepada kestabilan rantau ini. Sebelum ini kita tidak stabil kewangannya – turun naik dengan ketara, tidak ada keyakinan, semuanya pessimist, kebanyakannya tidak stabil keadaan. Jadi apabila Malaysia stabil sudah pasti rantau ini lebih stabil dan dengan itu kita boleh menyumbang kepada kestabilan pasaran kewangan antarabangsa. Dalam pada itu kita sedang berusaha bersama-sama dengan rakan-rakan lain untuk memastikan bahawa perubahan-perubahan dapat dilaksanakan di peringkat antarabangsa. Dalam tempoh dua tiga hari ini beberapa perbincangan diadakan di Kuala Lumpur berkaitan kedudukan ekonomi antarabangsa dan proses surveillance ataupun kawalan transparency kedudukan kewangan antarabangsa setakat ini belum ada tanda yang positif tetapi kita tetap memainkan peranan yang aktif di arena antarabangsa untuk menstabilkan kedudukan kewangan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya kerajaan mengenakan cukai pegangan ataupun withholding tax bagi modal jangka pendek berkuat kuasa mulai 1 September, kerajaan telah mengumumkan tambahan .....

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Wangsa Maju bangun.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya soalan sambungan kepada statement yang sebelum ini iaitu berkaitan dengan kawalan yang dilaksanakan oleh Malaysia. Oleh kerana berita-berita daripada luar terdapat negara-negara maju terutamanya merasa bimbang jika kawalan modal yang kita laksanakan di Malaysia berjaya sekurang-kurangnya untuk jangka masa pendek. Tambahan lagi untuk jangka masa yang lebih panjang, akan melibatkan satu kontinjen yang baru iaitu lain-lain negara juga yang terjejas oleh spekulator akan mengambil iktibar daripada kejayaan kita itu dan adakah dalam maklumat daripada kementerian dan kerajaan pandangan daripada negara-negara jiran ini yang tertanya-tanya dan apakah kita dapat bekerjasama dengan mereka dalam hal ini?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Memang, Tuan Yang di-Pertua, salah satu kebimbangan beberapa badan antarabangsa ialah langkah kawalan modal ini akan berkembang ataupun akan diikuti oleh negara-negara lain. Dengan itu akan menggagalkan usaha mereka untuk meliberalisasikan sistem kewangan antarabangsa. Itulah antara sebab kenapa mereka menentang dasar kita. Tetapi kita telah jelaskan beberapa kali bahawa kita bukan hendak negara-negara lain ikut kita, kita mengambil langkah ini untuk mempertahankan ekonomi negara kita. Kita tidak mengambil kira pertimbangan orang lain, yang penting ialah pertimbangan ekonomi negara kita. Jadi sama ada negara-negara lain mengikuti jejak langkah kita, itu adalah keputusan mereka. Setakat ini tidak

ada suara-suara rasmi oleh negara-negara ini yang menyatakan mereka akan mengikuti langkah kita.

Seterusnya, kita tahu bahawa langkah kita ini merupakan satu langkah yang radikal satu langkah yang 'unorthodox', ia adalah tidak selari dengan pemikiran badan-badan antarabangsa termasuklah kumpulan mata wang antarabangsa ataupun IMF. Terdapat satu perbezaan falsafah yang ketara antara langkah yang kita ambil dengan cara mereka mendekati pendekatan dan pemikiran mereka. Oleh kerana adanya perbezaan falsafah yang ketara inilah antara sebab mengapa mereka menentang. Dalam pada itu saya ingin menekankan bahawa mereka menyatakan dalam keadaan-keadaan terdesak, emergency ataupun darurat, mereka tidak menentang langkah kawalan ini. Ini dinyatakan sendiri kepada kerajaan oleh pemimpin-pemimpin tertinggi kumpulan wang antarabangsa. Kita berhadapan dengan keadaan terdesak ataupun emergency. Oleh itu langkah yang kita ambil tidak dihalang, tidak ditentang oleh mereka. Itu yang disebut oleh mereka tetapi kita tahu bahawa oleh kerana langkah ini radikal dan 'unorthodox', mereka sebenarnya tidak berapa setuju dengan langkah-langkah kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Memandangkan ada laporan-laporan bahawa pihak kerajaan termasuk dalam kalangan Bank Negara adalah memberi penunjuk (indication) bahawa kerajaan sedang mengkaji satu time frame untuk membatalkan kawalan-kawalan modal. Memandangkan pendapat pakar-pakar ekonomi yang terkemuka seperti Jaffrey Isac yang berpendapat bahawa kawalan-kawalan ini tidak perlu oleh kerana pemulihan ekonomi sedang berlaku di rantau ini. Adakah kerajaan dalam proses untuk mengkaji satu time frame mengenai pembatalan kawalan-kawalan modal ini.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Pakar-pakar seperti Jaffrey Isac menyokong dasar ini di peringkat awal, termasuklah Krupmann dan lain-lain dalam keadaan darurat, keadaan terdesak mereka menyokong langkah Malaysia. Cuma bila datang ke Malaysia tiga minggu yang lalu, dengan izin, after taught, oleh kerana beberapa perkembangan positif yang berlaku pada pandangan beliau khususnya di rantau ini, beliau berpendapat bahawa langkah-langkah ini redundant. Ada juga pihak lain yang menyatakan bahawa Malaysia harus ada yang dipanggil oleh mereka satu exit strategy, satu perancangan untuk keluar daripada langkah kawalan ini. Ini pandangan mereka.

Kita tidak bercadang, dengan izin, untuk fine tune, seperti mana yang disebut oleh Kepong kalau tidak silap saya tiga-empat hari lepas. Kawalan mata wang ini kita baru laksanakan lapan-sembilan minggu dan langkah-langkah ini telah berkesan untuk membina keyakinan, untuk menstabilkan ekonomi negara dan kita merasakan bahawa kita selesa dengan langkah-langkah ini dan kita tidak bercadang walaupun ramai pakar antarabangsa termasuklah badan-badan kewangan antarabangsa yang menggesa kita supaya fine tune dan memperkenalkan, dengan izin, exit strategy, kita tidak bercadang untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan keperluan rizab berkanun (statutory reserve ratio). Ahli Yang Berhormat dari Tambun, Batang Lupar dan

Kepong telah menyentuh isu ini. Pada masa lepas SRR adalah lebih tinggi selaras dengan dasar kerajaan untuk membendung tekanan inflasi semasa ekonomi negara berkembang pesat. Pada awal tahun ini SRR berada pada tahap 13.5%. Kini oleh kerana inflasi telah dapat dibendung dan masalah mudah tunai bukan lagi satu masalah besar, kita berpendapat bahawa adalah perlu SRR dikurangkan. Oleh itu, ia telah dikurangkan untuk membiayai, untuk menambah mudah tunai dan seterusnya untuk membiayai aktiviti ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SRR tidak digunakan sebagai instrumen untuk memastikan institusi pengurusan sistem perbankan ini berhemat. Sebaliknya Bank Negara Malaysia telah mempunyai struktur kawal selia dan peraturan yang sewajarnya untuk memastikan perbankan diuruskan secara berhemat. Tambahan pula untuk memastikan sistem perbankan mempunyai mudah tunai mencukupi, institusi perbankan perlu menepati tahap keperluan aset cair (liquid asset requirement) di mana institusi perbankan perlu mengekalkan sebahagian tanggungan mereka di dalam bentuk aset cair.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pinjaman hutang tidak berbayar (NPL). Ahli Yang Berhormat dari Tambun, Tanjong, Segambut, Yan, Seputeh telah membangkitkan isu berkaitan dengan klasifikasi NPL. Harus diingati bahawa sebelum kegawatan ekonomi tempoh untuk NPL memang pun enam bulan. Memendekkan tempoh untuk NPL di waktu bank dan syarikat menghadapi masalah hanya akan menambah halangan terhadap pemulihan syarikat dan bank. Adalah tidak bijak berbuat demikian jika kita ingin pulihkan ekonomi negara. Lagipun banyak negara lain tidak pun menentukan tempoh NPL atau membenarkan tempoh yang lebih panjang. Walaupun tempoh klasifikasi NPL telah dipanjangkan kepada enam bulan, keperluan berhemat yang lain masih dikekalkan oleh pihak Bank Negara untuk memastikan bank-bank diuruskan dengan baik.

Mengenai pertumbuhan kredit, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tambun, Bayan Baru, Batang Lupar telah antara lain menyatakan bahawa adalah sukar untuk syarikat-syarikat dan para pengusaha mendapatkan kredit. Kerajaan memang prihatin terhadap masalah-masalah ini, pertumbuhan kredit yang lembab dan telah menetapkan kadar pertumbuhan pinjaman minimum sebanyak 8% menjelang tahun ini. Pada bulan September kadar tahunan (annual growth) cuma 4.5% dan empat-lima hari yang lalu Gabenor Bank Negara telah bertemu dengan ketua-ketua eksekutif institusi kewangan bagi memberi ingatan kepada mereka supaya kredit ini ditambahkan. Kerana kalau kita berada pada tahap 4.5% adalah sukar untuk kita memulihkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk menambah mudah tunai bersama-sama dengan pengurangan SRR dijangka akan meningkatkan kadar penawaran wang untuk membiayai pemulihan ekonomi. Di samping itu penubuhan Danaharta dan Danamodal akan dapat membantu memperkukuh institusi perbankan dan seterusnya membolehkan mereka meningkatkan pinjaman. Seperti yang saya sebutkan tadi, pada akhir September kadar pertumbuhan cuma 4.5%. Kita sedar banyak pengusaha menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman dan pada petang ini saya sendiri akan mengadakan satu perbincangan antara institusi kewangan dengan Dewan-dewan Perniagaan Melayu, Cina, India dan juga Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia bagi mencari jalan bagaimana masalah mendapat pinjaman ini dapat kita selesaikan dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tambun ingin mendapatkan penjelasan mengenai keupayaan Bank Negara sebagai pemberi pinjaman terakhir 'lander of last resort'. Ungkapan ini bermakna kesediaan Bank Negara Malaysia untuk menyediakan mudah tunai kepada institusi perbankan yang mengalami masalah mudah tunai berpunca daripada pengeluaran yang banyak dari simpanan serta masalah aliran tunai sistem perbankan. Bank Negara Malaysia akan

menyediakan mudah tunai kepada institusi perbankan berasaskan jumlah pegangan instrumen kewangan seperti Bill Perbendaharaan, Sekuriti Kerajaan, Bill Pertukaran dan nota janji yang dimiliki oleh institusi tersebut. Tiada had dikenakan terhadap jumlah mudah tunai yang boleh disediakan oleh institusi perbankan oleh Bank Negara Malaysia. Bank Negara Malaysia tidak mempunyai masalah untuk menjadi lender of last resort kerana pada masa yang lepas Bank Negara pernah menyediakan kemudahan ini kepada institusi-institusi yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai pasaran modal. Ahli Yang Berhormat dari Tambun dan Batang Lupar telah membangkitkan beberapa isu berkaitan perkara ini. Kerajaan tidak mempunyai apa-apa halangan bagi sebuah skim amanah saham diuruskan oleh sebuah bank komersial ataupun firma broker saham. Namun begitu pengurusan tersebut mesti dilakukan melalui anak syarikat mereka bagi memastikan adanya pengasingan kuasa yang wajar, dengan izin, proper separation of powers dan ketelusan dalam pengurusan skim amanah saham tersebut. Sebuah syarikat yang ingin menguruskan skim amanah saham mesti mempunyai kakitangan yang terlatih dalam bidang pengurusan skim amanah saham dan sumber modal yang mencukupi.

Mengenai cadangan supaya ditetapkan satu piawai kebangsaan bagi menaikkan tahap profesionalisme para remisier dengan menubuhkan satu badan kebangsaan, beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan. Di antaranya ialah mengadakan peperiksaan untuk memperolehi lesen remisier. Pada masa yang sama pusat pembangunan industri sekuriti SIDC-BSKL dan Persatuan Broker Saham Malaysia juga sedang bekerjasama untuk memperkenalkan satu program pelajaran profesional berterusan (continuing professional education) untuk remisier bermula pada tahun 2000. Selain itu, terdapat usaha-usaha lain seperti kursus yang dikendalikan oleh Institute of Investment Analyst Malaysia yang bertujuan

meningkatkan tahap profesionalisme dan pengetahuan peserta-peserta pasaran modal tempatan termasuk remisier.

Mengenai Danaharta, beberapa isu mengenai perkara ini telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Tambun dan Bandau. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Danaharta dijangka akan memperoleh NPL secara berperingkat dengan keutamaan diberi kepada institusi kewangan yang lemah menjelang akhir tahun ini. Danaharta akan mengeluarkan NPL sebanyak RM14,000 juta nilai kasarnya daripada sistem perbankan. Ini merupakan 35% daripada NPL sistem perbankan berasaskan pengelasan NPL yang baru.

Mengenai pembiayaan Danaharta sehingga tahun 2000, sebanyak RM15,000 juta diperlukan untuk membolehkannya mengeluarkan NPL daripada sistem perbankan. Daripada jumlah tersebut Kerajaan Persekutuan menjelang akhir tahun ini akan menyumbang RM1.5 ribu juta sebagai ekuiti, RM2 ribu juta pinjaman terbitan wang Khazanah, RM1.5 juta pinjaman ASB, manakala RM10 ribu juta lagi diperolehi menerusi penerbitan bon oleh Danaharta.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan mengenai bahaya moral (moral hazard) bersabit dengan pelaksanaan rancangan yang telah ditetapkan oleh Danaharta. Pendekatan perolehan aset yang digunakan oleh Danaharta tidak akan menyebabkan berlakunya bahaya moral. Ini kerana bank-bank dikehendaki menilai semula NPL yang diambil alih oleh Danaharta berasaskan nilai pasaran semasa. Dalam keadaan nilai pasaran semasa saham yang menurun akan terdapat perbezaan antara nilai kasar NPL dan nilai pasaran. Perbezaan ini perlu ditanggung oleh bank-bank berkenaan. Bank-bank dibenar melunaskan (write off) perbezaan ini dalam tempoh lima tahun dan jumlah ini hendaklah ditunjukkan dalam penyata untung rugi bank-bank berkenaan. Keperluan supaya bank-bank membuat

keperluan ini akan memastikan bank memberi pinjaman dengan lebih berhemat. Oleh itu, isu moral hazard tidak berbangkit.

Mengenai Danamodal, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Mengapa sungguhpun perlu bail out tiga kali dalam 12 tahun dalam kes Bank Bumiputra, tidak ada apa-apa revenge management atau sesiapa yang dibawa di hadapan pengadilan oleh kerana apa-apa kecurangan atau penyelewengan yang berlaku, khasnya daripada anggaran yang asal di mana dalam bulan Mac Bank Bumiputra adalah dianggarkan oleh Bank Negara yang perlu suntikan RM750 juta maksimum sahaja, mungkin tidak perlu. Tetapi baru-baru ini kita dapati bahawa suntikan sebanyak RM1.1 bilion yang perlu, dengan NPL diturunkan daripada tiga bulan ke enam bulan, bukankah sebenarnya apa yang perlu bail out money patutlah lebih sedikit. Tetapi mustahak ialah kenapa dalam bail out ini tidak ada moral hazard di mana ada satu pertukaran, management supaya ada satu bentuk pembersihan sistem kewangan dan pengurusan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Bank Negara sentiasa mengawasi pengurusan bank dan langkah-langkah tegas diambil dari masa ke semasa. Memang benar dalam kes Bank Bumiputra sebanyak tiga kali kerajaan terpaksa menyuntik modal. Dan dalam kes terakhir, memang benar kata Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, pada peringkat awal jangkannya RM750 juta. Tetapi akhirnya suntikan modal sebanyak RM1.1 ribu juta terpaksa kita suntikan dalam Bank Bumiputra. Ini adalah berkaitan dengan provision yang lebih konservatif yang dikehendaki oleh Bank Negara. Itulah sebabnya kenapa keperluan telah meningkat.

Saya ingin memaklumkan bahawa Bank Negara sentiasa mengawasi institusi-institusi seperti Bank Bumiputra yang dianggap lemah oleh pihak awam, dan kita yakin bahawa langkah-langkah ini akan menunjukkan kesan. Kita mengakui bahawa Bank Bumiputra belum lagi dapat dipulihkan dengan jayanya.

Tetapi dengan langkah yang lebih tegas oleh Bank Negara termasuk mungkin revenge management, merger dan lain-lain langkah yang diambil, kita berharap semoga prestasi Bank Bumiputra akan meningkat di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Danamodal....

**Tuan Fu Ah Kiow:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat, Mentakab bangun.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Kerajaan telah menjamin bahawa amalan antarabangsa yang terbaik akan diguna dalam pengurusan dan penilaian NPL. Saya ingin minta penjelasan sama ada kerajaan sedia untuk memberi laporan penilaian kepada sesiapa orang awam yang minta laporan tersebut, dan sama ada kerajaan akan menerbitkan penilaian NPL dalam surat khabar?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Dalam ucapan Belanjawan kita telah memaklumkan bahawa pihak-pihak Danaharta yang ditugaskan untuk membeli NPL akan menerbitkan kesemua NPL yang dibeli daripada institusi kewangan. Kita menjangka dalam suku (quarter) tahun pertama kesemua NPL yang dibeli oleh pihak Danaharta akan diterbitkan. Danaharta bercadang untuk menerbitkan angka-angka ini dua kali setahun. Oleh itu, masalah ketelusan (transparency) berkaitan NPL tidak harus berbangkit. Dengan adanya jaminan oleh kerajaan, khususnya Danaharta untuk telus dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Tambun dan Bandau telah membangkitkan isu mengenai Danamodal. Sebanyak lapan institusi perbankan telah pun menerima suntikan modal dan tiga yang lain akan diberi suntikan dalam jangka masa dua hingga tiga minggu akan datang. Dalam masa tiga bulan akan datang Danamodal akan mengenal pasti bentuk pelaburan dalam 11 institusi tersebut, iaitu sama ada dalam bentuk ekuiti, pinjaman ataupun kaedah

lain. Berdasarkan kepentingan saham yang dimiliki Danamodal akan menggunakan haknya sebagai pelabur untuk menyusun semula dan memperbaiki operasi serta menerap amalan cemerlang dalam operasi institusi perbankan di mana modal telah disuntikkan. Danamodal akan menetapkan matlamat prestasi yang perlu dicapai oleh setiap institusi dan menyemak tahap pencapaian matlamat tersebut dari masa ke semasa. Bagi masa jangka panjang pula Danamodal akan memainkan peranan dalam mempercepatkan proses pengukuhan dan rasionalisasi sektor perbankan, termasuk sebagai pemangkin kepada program gabungan institusi-institusi perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Bukit Mertajam telah meminta kerajaan membantu syarikat-syarikat kecil yang bermasalah di samping membantu syarikat-syarikat gergasi. Saya ingin memaklumkan bahawa sebuah jawatankuasa dipanggil Cooperate Debt Restructuring Committee telah ditubuhkan untuk membantu syarikat-syarikat yang mempunyai pinjaman RM50 juta dan lebih daripada institusi perbankan dan mereka juga perlu memenuhi syarat-syarat seperti berdaya maju dan tidak dalam proses pembubaran atau penerimaan.

Sehubungan ini, saya ingin memaklumkan bahawa sebuah Unit Aduan dan Pengawasan Pinjaman telah ditubuhkan di Bank Negara, dan setakat ini 464 aduan telah pun diterima oleh unit ini. Unit ini ditubuhkan untuk mengendalikan pinjaman-pinjaman kecil. Jadi, kerajaan memberi perhatian bukan sahaja kepada peminjam-peminjam besar, tetapi juga kepada pinjaman kecil. Daripada 464 kes yang dirujuk kepada unit ini, kira-kira 24% telah berjaya mendapat pinjaman, iaitu 110. Manakala 53% ataupun 244 daripada kes-kes yang dirujuk kepada Bank Negara telah tidak berhasil, dengan lain perkataan mereka tidak berjaya untuk mendapat pinjaman yang dipohon.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Batu telah meminta penjelasan mengenai kedudukan pengambilalihan Sime Bank oleh RHB. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah modal berwajaran risiko Sime Bank telah menurun dari paras lebih daripada 8% kepada lebih kurang 2% akibat kerugian besar yang dihadapi oleh bank tersebut. Pemegang saham utama Sime Bank tidak dapat menyuntik modal baru ke dalam Sime Bank, tidak mahu menceburi dalam bidang perbankan lagi. RHB Bank pula berpendapat bahawa penggabungan dengan Sime Bank adalah satu langkah yang memanfaatkan memandangkan Sime Bank mempunyai cawangan strategik di luar negeri. Tambahan pula proses penggabungan ini akan mempertingkatkan lagi tahap kecekapan kumpulan bank tersebut.

Kerugian besar yang dialami oleh Sime Bank bukan disebabkan oleh keperluan peruntukan hutang ragu dan lapuk yang lebih tegas. Walaupun dasar pengkelasan NPL selama enam bulan diterima pakai oleh Sime Bank, NPL Sime Bank tetap berada di tahap yang tinggi. Berdasarkan garis panduan Bank Negara, institusi perbankan hanya perlu membuat peruntukan khas ke atas akaun peminjam yang tidak dibayar (in default) dan bukannya semua akaun di bawah akaun peminjam tersebut. Sehubungan ini, peruntukan yang dibuat oleh Sime Bank adalah berdasarkan risiko kerugian yang mungkin dihadapi akibat kegagalan membayar balik sesuatu akaun. Pengiraan NPL juga tidak mengambil kira pinjaman yang telah diluluskan sebelum digunakan oleh peminjam. Pinjaman tidak berbayar merujuk kepada pinjaman tertunggak di mana peminjam gagal membuat bayaran balik selama enam bulan.

Danaharta telah dilantik oleh Bank Negara untuk menguruskan pinjaman tidak berbayar Sime Bank dengan nilai kasar RM6 ribu juta. Langkah ini adalah untuk mempercepatkan perolehan pembayaran balik pinjaman tidak berbayar Sime Bank.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan penilaian Danamodal, RHB Bank tidak memerlukan permodalan semula. Walau bagaimanapun, suntikan sebanyak RM1.5 ribu juta dalam RHB Bank bertujuan untuk membantu keupayaan RHB Bank untuk mengambil alih Sime Bank.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan Bank Bumiputra yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Kubang Kerian dan juga Seremban terutamanya mengenai masalah hutang lapuk, suntikan modal dan penyusunan semula. Masalah hutang lapuk yang dialami oleh Bank Bumiputra adalah berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya adalah masalah membayar balik pinjaman daripada peminjam. Dalam masa yang sama langkah Bank Negara Malaysia memendekkan tempoh NPL daripada enam bulan kepada tiga bulan juga telah meningkatkan keperluan Bank Bumiputra menyediakan peruntukan am yang lebih tinggi bagi hutang lapuk. Akibatnya, NPL bank tersebut telah meningkat daripada RM2.3 ribu juta kepada RM7.5 ribu juta. Dengan kedudukan NPL yang besar dan kemerosotan nilai saham yang dijadikan cagaran oleh peminjam, keuntungan bank tersebut telah terjejas.

Kerajaan sebagai pemilik Bank Bumiputra perlu menyuntik modal tambahan untuk menambahkan nisbah wajaran keuntungan modalnya. Suntikan modal ini bukannya menggunakan sumber Petronas dan KWSP, tetapi melalui Khazanah Malaysia Berhad. Dengan suntikan modal sebanyak RM1.1 ribu juta, tahap nisbah wajaran keuntungan modalnya telah dapat ditingkatkan kepada 9.7%. Suntikan modal ini membolehkan Bank Bumiputra memenuhi keperluan perniagaannya dan menambah pinjaman pada masa hadapan. Di samping suntikan modal, kerajaan akan mengambil langkah-langkah tegas untuk memperbaiki dan mengukuhkan tahap kecekapan pengurusan Bank Bumiputra Malaysia Berhad.

Mengenai penyusunan semula bank ini, perbincangan sedang diadakan antara Bank Bumiputra dan Commerce Asset Holdings Berhad berikutan perjanjian

yang ditandatangani pada 17 September yang lalu. Perjanjian ialah untuk menggabungkan kedua institusi tersebut beserta anak-anak syarikatnya.

Yang Berhormat dari Tambun telah menyarankan supaya struktur pengurusan bank dirombak semula bagi mengelakkan....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:.....**suntikan modal yang sia-sia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua institusi perbankan yang dilesenkan di bawah Bafia adalah tertakluk kepada semua peruntukan di bawah Bafia. Garis panduan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:.....**tiada sebuah institusi perbankan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah dalam dua-dua kes, Sime Bank dan Bank Bumiputra yang masalah dihadapi oleh mereka antara lain ialah oleh kerana ada hutang-hutang lapuk (bad loans) yang diberikan kepada mereka yang tanpa kolateral atau kolateral yang cukup dan kenapa kerajaan atau pihak berkenaan tidak rela mengumumkan satu senarai bad loan ini semacam apa yang berlaku dalam Kertas Putih mengenai Bank Rakyat dalam tahun 1970-an yang menunjukkan prinsip akauntabiliti dan transparensi supaya mereka yang bertanggungjawab untuk membawa bank-bank itu kepada tahap masalah ini akan patut mengambil tanggungjawab dan adakah dalam kedua-dua kes ini, bahawa kerajaan rela untuk mengumumkan sesiapa yang ada dapat pinjaman yang cukup besar berpuluh-puluh juta ringgit, beratus juta ringgit tanpa kolateral atau kolateral yang cukup.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Masalah-masalah yang dihadapi oleh bank-bank ini Tuan Yang di-Pertua adalah berpunca daripada kemerosotan ekonomi yang menyebabkan nilai kolateralnya berkurangan yang berikutan daripada pasaran saham yang menjunam jatuh. Sebelum ini seperti sedia maklum semua bank-bank ini menikmati kadar keuntungan yang tinggi termasuklah Bank Bumiputra, Sime Bank, semuanya merupakan perniagaan yang menguntungkan. Jadi sebab utama kenapa bank-bank ini menghadapi masalah adalah kerana penurunan dalam nilai saham dan juga nilai kolateral. Dalam pada itu kita memberi, ingin memaklumkan bahawa Bank Negara sentiasa mengawasi perkara ini dan siapa-siapa yang didapati bertanggungjawab dalam amalan yang kurang berhemat akan diambil tindakan yang sewajarnya. Dalam kes Sime Bank, seperti sedia maklum...

**Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat Pasir Mas bangun.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** ... Siasatan telah pun dibuat dan tindakan-tindakan telah pun diambil untuk memastikan bank ini dapat dibersihkan.

**Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan II, iaitu mengenai dengan penggabungan Bank Bumiputra dengan Bank of Commerce. Apakah Bank Bumiputra sebuah bank yang dimiliki oleh kerajaan ini akan hilang nama Bank Bumiputra itu setelah penggabungan dengan Bank of Commerce ini sempurna dilaksanakan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Pada masa ini perbincangan masih lagi belum muktamad. Pengumuman dibuat cuma 17 September lalu, perbincangan masih lagi berjalan. Isu namanya belum berbangkit. Saya tahu bahawa kita ada sentimen untuk mengekalkan nama Bank Bumiputra ini dan insya-Allah kita akan mengambil perhatian, pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan penyusunan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun lagi.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** .....semula Renong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat kata, bahawa tindakan akan, sedang diambil oleh pihak yang bertanggungjawab sekarang dalam Sime Bank terhadap mereka yang oleh kerana hutang lapuk mereka mengakibatkan keadaan bank sekarang dan bolehkah beritahu berapa orang sedang diambil tindakan pada mereka sama ada dalam Sime Bank atau Bank Bumiputra, berapa orang?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat terperinci berkaitan dengan bilangan orang yang sedang diambil tindakan oleh Bank Negara, sama ada di Sime Bank atau Bank Bumiputra.

Penyusunan semula Renong ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Segambut, Johor Bahru, Tanjong dan Tuaran. Saya ingin tegaskan kerajaan tidak akan menyelamatkan mana-mana individu. Kerajaan akan hanya memberi sokongan pada syarikat-syarikat yang berdaya maju sahaja. Renong merupakan syarikat yang kukuh dan mempunyai aset yang besar. Kumpulan Renong melalui anak syarikat dan syarikat bersekutu telah menjadi kumpulan prasarana yang

bersepadu dan bergiat dalam pelbagai bidang. Bagi menjalankan pelbagai kegiatan ini, Kumpulan Renong memperoleh pembiayaan dalam bentuk pinjaman. Seperti syarikat-syarikat lain, syarikat ini juga terjejas akibat penyusutan nilai Ringgit dan harga saham.

Bagi mengatasi masalah yang dihadapinya, Kumpulan Renong telah mencadangkan satu skim penyusunan semula sebahagian hutangnya termasuk juga hutang-hutang Sistem Transit Aliran Ringan (STAR) dan Keretapi Tanah Melayu. Skim tersebut melibatkan penerbitan bon bernilai RM11.32 bilion yang akan dilangani oleh pemberi pinjaman komersial untuk projek-projek tersebut. Untuk maklumat cadangan ini tidak melibatkan pengeluaran wang baru oleh sistem perbankan dan tidak melibatkan bantuan kewangan dari kerajaan. Oleh kerana masa singkat, saya tidaklah perlu pergi dengan terperinci cadangan yang dikemukakan oleh Renong kerana ianya sudah pun diumumkan dalam akhbar-akhbar, cuma saya ingin memaklumkan bahawa cadangan ini sedang dikaji oleh kerajaan. Beberapa perbincangan telah pun diadakan, masih lagi berjalan antara pihak Renong dengan Kementerian Kewangan khususnya bagi memastikan tindakan sewajarnya diambil supaya syarikat Renong dapat terus beroperasi dan demikian mengelakkan pembuangan kerja dan menjamin projek-projek besar dan infrastruktur tidak akan terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sibul ingin tahu mengenai kemajuan penstrukturan semula projek Hidroelektrik Bakun sehingga kini. Untuk maklumat Yang Berhormat kerajaan masih belum memutuskan sama ada untuk meneruskan pembinaan Empangan Bakun. Oleh itu persoalan mengenai penstrukturan semula Projek Bakun tidak timbul. Walau bagaimanapun kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk mengecilkan skop projek ini di mana bekalan elektrik hanya akan dijanakan ke negeri Sabah, Sarawak dan Kalimantan sahaja. Dengan pengecilan skop ini kos projek akan berkurangan dan juga tumpuan dapat diberikan sepenuhnya untuk memajukan perindustrian berat di negeri Sabah dan Sarawak.

Semasa mengumumkan pengambilan projek Hidroelektrik Bakun daripada Bakun Hydroelectric Corporation oleh Menteri Kewangan diperbadankan pada 20 November 1977, kerajaan juga memutuskan beberapa komponen projek ini seperti pembinaan terowong, pengaliran sungai dan penempatan semula penduduk di kawasan Bakun akan diteruskan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Syarikat Dong Ah daripada Korea Selatan yang merupakan kontraktor pembinaan terowong ini telah menghadapi masalah aliran tunai akibat dari kegawatan ekonomi di negara Korea Selatan dan juga di Malaysia. Oleh itu kemampuan syarikat tersebut untuk menyiapkan projek adalah dikhuatiri. Justeru itu kerajaan telah bercadang untuk melantik Tenaga Nasional Berhad untuk menguruskan penyelenggaraan pembinaan terowong ini dan mengemukakan cadangan membina Empangan Bakun masa hadapan. Namun demikian tindakan ini akan hanya dapat dilaksanakan apabila urusan pengambilan alih Projek Bakun dimuktamadkan antara kerajaan dengan Bakun Hydroelectric Corporation Bhd.

Mengenai sistem riba yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, yang mencadangkan kerajaan harus menghapuskan riba dalam sistem kewangan Malaysia, negara kita mengamalkan sistem kewangan konvensional yang telah digunapakai oleh hampir kesemua negara di dunia ini. Dalam pada itu sebagai alternatif pada sistem kewangan konvensional, kerajaan telah memperkenalkan sistem perbankan Islam dan bermula pada 1 Disember akan datang, SPTF akan diubah namanya kepada perbankan Islam dan satu bahagian baru akan ditubuhkan di Bank Negara untuk memperkembangkan lagi, iaitu bahagian perbankan Islam untuk memantapkan lagi perkembangan sistem kewangan Islam di negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah membangkitkan isu mengenai ekuiti asing dalam sektor perbankan dan insurans. Kerajaan Malaysia komited untuk liberalisasi sektor kewangannya. Tapi perlu ditegaskan bahawa liberalisasi tersebut tidak seharusnya mengetepikan kewangan tempatan. Fokus dasar masa ini ialah untuk menggabung dan memperkukuhkan sektor perbankan

insurans supaya mereka mampu bersaing dengan institusi kewangan dan insuran asing.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah dasar berkaitan dengan pinjaman baru ekuiti asing ke dalam sektor perbankan tempatan dan insurans. Pada masa ini syarikat asing boleh membeli ekuiti dan institusi perbankan tertakluk pada pegangan maksimum sebanyak 30%. Untuk maklum Yang Berhormat, ekuiti asing secara langsung dalam sistem perbankan berakhir Jun lalu ialah 21.8%. Pada sektor insurans pula, di bawah perjanjian pertubuhan perdagangan sedunia Malaysia telah menawarkan pegangan ekuiti asing sebanyak 30% dalam syarikat baru insurans. Bagi pegangan ekuiti asing syarikat sedia ada, pegangan ekuiti mereka dihadkan kepada 51%.

Mengenai Malaysian Reinsurance Labuan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Mentakab, beliau bertanya mengenai objektif halangan ke atas Reinsurance Labuan. Keseluruhan objektif penubuhan Labuan Reinsurance telah dicapai. Labuan Re yang telah dibentuk semula dengan modal berbayar sebanyak US\$100 juta pada awal 1996 untuk menyediakan kapasiti tambahan untuk insurans semula tempatan dan meningkatkan tahap bendungan nasional. Perniagaan Labuan Re telah berkembang dengan pesat sejak pembentukan semula. Ia dapat dilihat dari jumlah perhitungan kasar dari perniagaan dalam negeri yang di 'under-right' oleh Labuan Re yang telah meningkat dari US\$23.3 juta pada tahun 1996 kepada RM38.3 juta tahun lalu. Dengan ini nisbah bendungan telah meningkat dari 65.3% kepada 79.1% .

Seterusnya Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang pelantikan Solomon Smith & Barney sebagai penasihat kewangan kerajaan Malaysia. Solomon Smith & Barney sebagai sebuah bank pelaburan yang unggul dan ternama, terbesar di dunia menjalankan berbagai aktiviti perbankan sebagaimana juga institusi kewangan lain yang bertaraf dunia.

Solomon Smith & Barney mempunyai pembahagian tugas yang jelas di mana aktiviti jual beli bon dan mata wang tidak digabung dan dicampuradukkan dengan aktiviti khidmat nasihat. Oleh yang demikian, kerajaan percaya Solomon Smith & Barney dapat menjalankan tugas mereka sebagai penasihat kewangan kepada kerajaan secara profesional dan dengan penuh dedikasi.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong .....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat Tanjong bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini apa kemajuan yang dicapai oleh Solomon, Smith & Barney untuk menerbitkan pinjaman untuk negara Malaysia dan tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa 1/3 daripada defisit sumbernya ialah pinjaman luar negara. Adakah semua ini dipertanggungjawabkan oleh Solomon Smith & Barney atau apa peratus yang ada ditetapkan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Solomon Smith & Barney dipertanggungjawab untuk membantu kerajaan dalam merangka strategi bagi meminjam daripada international capital market, pinjaman bilateral daripada negara-negara asing termasuk Jepun dan saya sebut Singapura tadi adalah tidak termasuk dalam bidang tugas Solomon Smith & Barney. Ia merupakan penasihat, antara lain untuk memperbaiki persepsi antarabangsa terhadap Malaysia dengan mengeluarkan angka-angka mengenai fundamental ekonomi Malaysia dengan menasihati kita tentang strategi pembiayaan dan juga mengadakan hubungan yang baik dengan agensi-agensi penarafan, ataupun rating agencies, bagi memastikan bahawa agensi-agensi ini memberi maklumat yang tepat dan objektif mengenai negara kita Malaysia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah pun

mengadakan perbincangan dengan Solomon Smith & Barney, dalam pada itu kita menjangkakan bahawa oleh kerana keadaan pasaran tidaklah begitu baik untuk membolehkan kita mengambil pinjaman daripada pasaran antarabangsa, kita menjangka dalam tempoh terdekat kita tidak akan meminjam daripada international capital market, sebaliknya kita menumpukan perhatian pinjaman luar negara daripada sumber-sumber bilateral, iaitu daripada kerajaan-kerajaan asing termasuklah Jepun dan Singapura.

**Tuan Lim Kit Siang:** Setakat ini bererti sehingga pasaran modal antarabangsa pulih bahawa perkhidmatan Solomon Smith & Barney digantungkan.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Ia tidak bererti demikian, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi kita mengadakan perbincangan dari masa ke semasa. Jam 1.00 hari ini saya ada perjumpaan dengan mereka untuk review atau mengkaji kerja-kerja yang telah mereka lakukan, kita menjangka mungkin akan ada keperluan untuk Malaysia meminjam pada separuh kedua tahun depan. Sekarang ini keadaan pasaran antarabangsa, masih lagi unfavourable dengan izin, khususnya dengan penurunan penarafan Malaysia oleh beberapa agensi penarafan. Oleh itu masa belum sesuai. Dalam pada itu kita perlu terus mengadakan, dialog, kita tidak boleh berhenti terus daripada mengadakan perbincangan perundingan. Oleh itu kita masih lagi berurusan dengan mereka dan kita berharap pada separuh kedua pada tahun depan apa yang dirancang sekarang ini akan berhasil.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, adakah sekarang Kerajaan Malaysia perlu membayar kepada mereka oleh kerana perkhidmatan penasihat dan lain-lain sungguhpun keadaan pasaran antarabangsa tidak membenarkan mereka menjalankan tugas untuk menerbitkan bon-bon antarabangsa.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kita masih lagi berunding dengan mereka, Tuan Yang di-Pertua, mengenai terma termasuklah bayaran, dalam pada itu kita

ada persefahaman ataupun understanding kerja-kerja diteruskan. Terma bayaran belum lagi diputuskan, masih lagi dalam perundingan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong mencadangkan supaya dihapuskan cukai ke atas dividen skim unit amanah bagi menggalakkan rakyat Malaysia melabur dalam skim ini bagi meningkatkan aliran modal dan pasaran. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan cukai tersebut kerana Belanjawan yang diumumkan baru-baru ini telahpun menghapuskan cukai ke atas faedah.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu meminta supaya kadar levi keuntungan minyak kelapa sawit disemak dari masa ke semasa. Kementerian Kewangan dengan bantuan pakar daripada industri telah menjalankan kajian yang mendalam sebelum menetapkan kadar levi keuntungan luar biasa ke atas minyak kelapa sawit mentah dan minyak isirung sawit mentah. Mengikut kajian, kos pengeluaran barangan ini adalah jauh lebih rendah daripada harga jualan. Berdasarkan kepada maklumat kos dan harga semasa, kerajaan telah menetapkan levi tersebut pada tahap di mana pihak pengeluar masih mendapat keuntungan yang tinggi walaupun selepas levi dikenakan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan cara pengutipan levi minyak kelapa sawit. Levi keuntungan luar biasa akan hanya dipungut daripada pengeluar minyak sawit mentah dan minyak isirung sawit mentah. Setiap pengeluar akan dikehendaki menghantar penyata bulanan mengenai jumlah pengeluarannya bagi bulan lepas kepada Jabatan Kastam. Pungutan levi akan dibuat oleh Jabatan Kastam berdasarkan kepada jumlah pengeluaran yang dinyatakan itu dan jika didapati harga purata dalam bulan sebelumnya melebihi RM2,000 setan.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan meminta supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh membekalkan penyata cukai tahunan kepada semua pekerja/penggaji

pada setiap tahun. Pada tahun 1994 sebenarnya Lembaga Hasil Dalam Negeri telah pun mengeluarkan penyata tersebut, tetapi pengeluaran penyata bayaran telah diberhentikan kerana penyata tersebut didapati hanya menunjukkan bayaran yang diterima oleh JHDL sahaja yang tidak menunjukkan jumlah cukai yang telah dibayar oleh pembayar cukai serta status terkini pembayar cukai berkenaan. Pelaksanaan sistem Potongan Cukai Berjadual atau PCB bermula 1 Januari 1995 juga telah menimbulkan masalah penyesuaian akaun pembayar cukai kerana maklumat yang diberi oleh majikan tidak tepat dan lengkap yang mengakibatkan pengeluaran penyata tertangguh lagi. Oleh itu kita sedang menangani isu ini, ada beberapa masalah teknikal yang perlu kita selesaikan sebelum penyata cukai tahunan dapat dibuat semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah mencadangkan kerajaan memberi pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan bahan makanan. Kerajaan memang sentiasa menggalakkan usaha R&D termasuklah penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pengeluaran bahan makanan. Dalam hal ini kerajaan telahpun menyediakan galakan taraf perintis bagi tempoh 5 tahun atau elaun cukai pelaburan 100% kepada syarikat yang khusus menjalankan aktiviti R&D. Di samping itu syarikat yang menjalankan R&D secara bulanan ataupun menghantar pekerja R&D untuk dilaksanakan di pusat R&D yang diluluskan adalah dibenarkan potongan dua kali ganda ke atas perbelanjaan R&D tersebut. Selain daripada galakan kepada aktiviti R&D kerajaan dalam belanjawan yang lalu telah memperkenalkan incentive group relief, dengan izin bagi meningkatkan penglibatan swasta dalam pengeluaran bahan makanan. Insentif baru ini membenarkan syarikat lain dalam kumpulan yang sama menanggung kerugian syarikat sekutunya yang menjalankan projek pertanian dan dengan demikian akan mengurangkan risiko projek pengeluaran bahan makanan yang biasanya menghadapi risiko yang tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Marang tidak bersetuju dengan langkah kerajaan mendapatkan hasil melalui peningkatan cukai daripada hasil perjudian. Langkah menaikkan cukai perjudian adalah merupakan satu proses semakan biasa yang dilakukan dari masa ke semasa. Kali terakhir kadar ini dikaji semula adalah pada tahun 1994, oleh itu kerajaan dapat masanya adalah sesuai bahawa kadar ini dikaji semula dan dinaikkan.

Ahli Yang Berhormat dari Bintulu berpendapat Belanjawan 1999 tidak mengambil kira keperluan pengguna dan golongan berpendapatan rendah dan mencadangkan cukai duti barangan keperluan asas dikurangkan. Kerajaan amat prihatin ke atas keperluan pengguna dan golongan berpendapatan rendah terutamanya bagi mendapatkan barangan keperluan asas. Oleh itu kerajaan telahpun meletakkan kebanyakan barangan terutamanya barangan makanan di bawah kawalan harga seperti susu, gula, tepung dan lain-lain. Kesemua barangan yang tertakluk kepada kawalan harga adalah tidak berduti atau tidak dikenakan cukai. Di samping itu, berikutan kajian dibuat dari masa ke semasa, kerajaan juga telah memansuhkan cukai dan duti ke atas barangan pengguna dan lain seperti ikan, sayur, sayur segar, dan ubat-ubatan.

Ahli Yang Berhormat daripada Kluang meminta supaya pihak kastam meningkatkan keupayaan mengendalikan kargo. Jabatan Kastam sentiasa diminta untuk mempertingkatkan keberkesanan perkhidmatannya dalam mengendalikan kargo. Bagi tujuan ini kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk meningkatkan sistem pengkomputeran Jabatan Kastam. Hasil penggunaan sistem ini Jabatan tersebut telah dapat mengurangkan masa pelepasan kargo dan kontena misalnya di Pelabuhan Klang pelepasan kontena hanya mengambil masa 20 hingga 30 minit sahaja. Selain daripada itu Jabatan Kastam bersama EDI Malaysia Sdn. Bhd. telah menyediakan satu rangkaian perkhidmatan berkomputer yang melibatkan pelbagai pihak dan hasilnya telah dapat menyegerakan proses import.